


**Volume III
No. 45**



**Thursday
2nd March, 1967**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)**

OFFICIAL REPORT

**THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 5985]

BILL PRESENTED [Col. 5990]

BILL:

The National Language Bill [Col. 5990]

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 6037]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the Second Dewan Ra'ayat

Thursday, 2nd March, 1967

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT :

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, TUAN TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, TAN SRI V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Education, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Local Government and Housing, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting and Minister of Culture, Youth and Sports, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).

- The Honourable the Minister of Lands and Mines, TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Education, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH, S.M.K. (Kelantan Hilir).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIEW CHUON (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

- The Honourable TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJIAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, J.M.N. (Jerai).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, J.P.
(Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN THOMAS KANA (Sarawak).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

- The Honourable TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Minister for Sarawak Affairs, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister for Sabah Affairs, TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports. ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).

- The Honourable TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ TUAN PETER LOH SU YIN (Sabah).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

NUMBER OF UNEMPLOYED PERSONS IN 1966

1. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok) asks the Minister of Labour to state the number of persons who can be considered as unemployed persons in 1966 and what steps government has taken to overcome the problem of unemployment.

The Minister of Labour (Tuan V. Manickavasagam): Mr Speaker, Sir, I regret that it is not possible to quote

the unemployment figures in respect of 1966. The last comprehensive survey of employment and unemployment conducted in 1962 showed that the unemployment was in the region of 6 per cent of the Labour force. A similar survey is to be conducted this year and preparations are already being made for this.

As to the steps being taken by the Government to overcome the problem of unemployment, a full and comprehensive answer would take a considerable portion of the time of this House, but I can say that the whole objective of the First Malaysia Plan is to reduce unemployment from 6 per cent of the labour force to 5.7 per cent with the addition of about 460,000 new jobs in the labour market. The details on this

have time and again been given in this House and recently by the Honourable Deputy Prime Minister in presenting the 1967 Development Estimates. The Plan also hopes to do this through the expansion of industrial and agricultural sectors of the economy by the transfer of workers from regions of excess labour to those with short supply and extensive schemes of training to equip youths with the necessary skills to enable them to be absorbed into employment.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Meskipun Menteri kita berduka-cita tidak dapat memberi kenyataan, dapat-kah Yang Berhormat Menteri kita menyatakan dengan sa-chara kasar-nya berapa peratus-kah golongan orang² yang boleh di-angap sa-bagai penganggor berbanding dengan penduduk yang bekerja, ia-itu *unemployed* berbanding dengan *working population* bagi negeri ini sa-hingga masa tahun 1962.

Tuan V. Manickavasagam: Mr Speaker, Sir, I need notice for that question.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—sadiKit sahaja lagi. Bahawa . . .

Mr Speaker: Soalan tadi, dia berkehendakkan notice. Jadi, saya tadi pun tidak ada menjawab—jadi yang lain lagi, macham mana?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sadiKit, ia-itu bila agak-nya masa yang hendak boleh bagi benda itu—lama-kah atau dekat? (*Ketawa*).

Tuan V. Manickavasagam: Tuan Speaker, bila dia bagi notice. (*Ketawa*).

NUMBER OF PERSONS REGISTERED IN THE EMPLOY- MENT EXCHANGE IN 1966

2. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah asks the Minister of Labour to state the number of persons who have registered their names in the Employment Exchange in 1966 and how many of them have secured appointments.

Tuan V. Manickavasagam: Mr Speaker, Sir, at the end of 1966, 113,786 persons were registered in the employment exchanges in West Malaysia. A total number of 14,510 persons were placed in employment during the year 1966.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah di-antara orang² yang dapat kerja ini termasuk orang² yang di-kirinkan ka-Malaysia Timor, dan, sa-chara kasar-nya, berapa peratus-kah daripada mereka itu di-kirinkan ka-sana.

Tuan V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, ada juga, tetapi orang yang di-hantar pergi ka-Sabah dan East Malaysia ia-lah lebeh kurang 183 orang dan keluarga mereka.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-antara orang² yang mendaftarkan diri untuk mendapatkan kerja ini, ada-kah termasuk buroh² yang akan di-kirinkan pergi ka-Ceylon atau pun mereka itu daftar-nya lain.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan ini, saya mahu bangkitkan satu masalah atau pun bertanya kepada Menteri Buroh, apa-kah Menteri Buroh sedar bahawa maseh banyak lagi orang² yang ada di-kampung tidak mendaftarkan diri kepada Pusat Pekerjaan ini, dan apa-kah langkah yang patut Menteri ini ambil bagi menentukan sa-banyak mana sa-sungoh-nya angka ra'ayat di-dalam negeri ini yang tidak mendapat kerja, tetapi tidak daftarkan kepada Pusat Pekerjaan ini.

Tuan V. Manickavasagam: Tuan Speaker, kalau orang² itu tidak mahu mendaftarkan nama di-dalam Pusat Pekerja, jadi kita tidak tahu sama ada mereka bekerja dia hendak atau tidak (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bukan itu maksud saya. Tujuan kita ia-lah hendak mengetahui seluroh ra'ayat di-dalam negeri ini berapa angka yang sa-benar-nya

yang dapat kerja dan yang tidak dapat kerja, yang mana perhubungan mereka itu dengan bandar, dengan Pusat² Pekerjaan ini mereka tidak tahu maka pehak Kerajaan tentu-lah tidak mendapat angka yang benar tentang orang yang tidak mendapat kerja dalam negeri ini. Jadi, sa-kira-nya Kerajaan sedar, apa-kah langkah Kerajaan untuk mengetahui perkara ini, dan usaha²-nya untuk mengetahui perkara ini.

Tuan V. Manickavasagam: Tuan Speaker, sa-bagaimana yang telah saya jawab tadi kapada soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bachok, kita ada satu survey dalam tahun 1962, dan juga di-dalam tahun ini. Dan kita boleh dapat tahu daripada survey itu.

NUMBER OF STRIKES IN 1966

3. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah asks the Minister of Labour to state the number of strikes that took place in 1966 and the number of Arbitration Tribunals that have been set up to settle disputes between employees and employers in 1966.

Tuan V. Manickavasagam: Mr Speaker, Sir, 60 strikes took place in 1966 resulting in the loss of nearly 110,000 man-days. The Industrial Arbitration Tribunal established under the Essential Regulations, heard 18 disputes during that year, awards being handed down in respect of 13 of them, leaving 5 cases pending for the hearings. The Industrial Court, on the other hand, heard 4 cases during the year and two more were pending disposal by the Court.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-antara mogok² yang berlaku ini, berapa peristiwa-kah Yang Berhormat Menteri kita ini sempat turut masuk champor menyelesaikan dengan sa-chara sendiri.

Tuan V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, macham mana saya katakan tadi, 60 strike telah berlaku di-dalam tahun 1966, 18 sahaja di-kemukakan ka-mahkamah, yang lain di-selesaikan oleh Kementerian (*Tepok*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ia-itu peristiwa mogok ini berapa tempat yang Menteri kita dapat hadir menyaksikan sendiri di-situ.

Tuan V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya menaruh keperchayaan kapada pegawai² saya. Yang mana saya fikir perlu baharu-lah saya champor tangan. Bagaimana pula jika semua-nya hendak di-tanggong oleh Menteri sa-orang sahaja?

BILL PRESENTED

THE CONTROL OF RENT (AMENDMENT) BILL

Bill to amend the Rent Control Act; presented by the Minister of Local Government and Housing; read the first time; to be read a second time at a subsequent sitting of the House.

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak): Mr Speaker, Sir, may I ask your permission to suspend the House for ten minutes before the National Language Bill is introduced for the Second Reading?

Mr Speaker: The sitting is suspended for ten minutes.

Sitting suspended at 10.20 a.m.

Sitting resumed at 10.30 a.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE NATIONAL LANGUAGE BILL

Second Reading

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ma'af di-atas tergendala-nya pekerjaan Dewan ini, dengan kerana keuzuran saya sedikit dan saya harap pengendalian ini tidaklah berbangkit apa² hal kapada pehak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya membentangkan Rang Undang² Bahasa Kebangsaan tahun 1967 ini ia-lah dengan tujuan supaya dapat di-laksanakan ketetapan² yang telah di-buat di-dalam Perkara 152 Perlembagaan negara kita mengenai bahasa kebangsaan.

Soal bahasa ini telah banyak dibincangkan, di-bahath, dan di-rundingkan oleh kesemua pihak, termasuklah parti² politik, persatuan² dan juga orang² persaorangan, sama ada mereka itu menyebelahi Kerajaan atau pun pihak Pembangkang. Tetapi perkara yang menarik hati ia-lah tidak siapa pun yang membantah di-atas ketetapan yang menentukan bahawa sa-nya bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa kebangsaan bagi negara kita ini. Pendek-nya masalah menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa rasmi yang tunggal bagi negeri ini telah diputuskan 10 tahun yang lepas.

Maka ketetapan ini telah di-rakamkan di-dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan kita dan di-bawah Fasal itu juga telah di-sharatkan bahawa tidak-lah boleh di-tegah atau di-larang atau disekat barang siapa juga pun mengajar atau belajar bahasa lain ia-itu bahasa masing² atau pun menggunakan-nya terkecuali untuk maksud² yang rasmi. Fasal itu juga mensharatkan supaya Kerajaan Persekutuan atau pun Kerajaan Negeri di-beri kuasa memelihara dan menjaga penggunaan dan pelajaran bahasa² kaum lain yang ada di-dalam negeri kita ini.

Dalam Fasal (2) pula telah di-tentukan bahawa dalam tempoh 10 tahun dari tarikh Hari Merdeka dan sehingga Parlimen membuat keputusan yang lain, maka bahasa Inggeris dibenarkan untuk di-pakai bagi semua maksud rasmi. Bagitu-lah juga Fasal (3), (4) dan (5) yang membenarkan bahasa Inggeris itu di-gunakan dalam tempoh 10 tahun yang tersebut untuk menulis undang², perbicharaan dan pekerjaan di-dalam mahkamah². Samasa Perkara 152 dalam Perlembagaan negara kita itu hendak di-rangkakan maka pertimbangan yang halus dan teliti telah di-buat untuk mengkaji segala pandangan² dan pendapat² daripada kesemua pihak. Kita mesti-lah sedar bahawa oleh kerana penduduk² di-Malaysia ini terdiri daripada berbagai² kaum dan berbilang bangsa, maka tidak-lah dapat kita hendak melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan itu dengan tidak memberi

tempoh kepada mereka itu untuk mempelajari-nya dan juga untuk mengajar penduduk² negeri ini supaya berfikir sa-bagai orang² Malaya, pada masa itu, dan orang² Malaysia pada masa sekarang ini.

Sa-puluh tahun ia-lah satu tempoh yang panjang dan siapa pun tidak patut menyatakan bahawa mereka tidak di-beri tempoh yang cukup untuk mempelajari bahasa kebangsaan kita ini.

Sekarang tempoh 10 tahun itu telah hampir cukup, tetapi masih terdengar lagi sungutan² yang membantah bahasa Melayu di-laksanakan dengan sa-penoh-nya sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal dengan tidak membenarkan bahasa² bagi kaum² lain yang ada di-negeri ini di-gunakan juga bersama² dengan bahasa kebangsaan.

Ahli undang² yang telah merangka Perlembagaan kita ini telah mengambil perhatian atas kemungkinan² yang harus berlaku itu, dan dengan sebab itu mereka telah memasukkan fasal-kecil (2), (3), (4) dan (5) kepada Perkara 152 itu syarat² yang boleh bahasa Inggeris di-gunakan bersama² dengan bahasa kebangsaan, terkecuali apabila Parlimen membuat keputusan bagi membatalkan kebenaran itu.

Oleh kerana di-dalam beberapa bulan lagi ia-itu pada 1 haribulan September, tahun 1967, tempoh 10 tahun itu akan genap, maka Rang Undang² ini mustahak-lah di-bawa di-dalam Dewan ini untuk mendapatkan persetujuan Parlimen supaya menyokong pandangan yang luas yang telah di-tunjukkan oleh Ahli² undang² yang telah merangkakan Perlembagaan kita ia-itu di-samping menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negeri kita ini kita mesti-lah membenarkan bahasa Inggeris itu di-gunakan dan juga penggunaan bahasa² lain dengan sa-chara yang luas bagaimana yang di-jalankan pada waktu ini di-teruskan. Rengkas-nya satu undang² mustahak di-luluskan bagi melaksanakan ketetapan² yang terkandung di-dalam Perkara 152 itu. Fasal-kecil (2) dalam Rang Undang² Bahasa Kebangsaan tahun 1967 yang

ada di-hadapan Ahli² Yang Berhormat sa-kalian menentukan supaya bahasa kebangsaan itu hendak-lah di-gunakan untuk maksud² yang rasmi mulai daripada 1 haribulan September, tahun 1967.

Ini berarti bahawa bahasa kebangsaan sahaja-lah yang di-aku² dan di-iktiraf sa-bagai bahasa rasmi negeri kita ini. Fasal ini juga mengekalkan syarat² yang terkandung dalam Per-Para 152 (1) (a) dan (b) mengenai pemeliharaan bahasa² lain di-dalam negeri kita ini.

Sungguh pun ketetapan telah di-buat di-dalam Undang² itu yang menjadikan bahasa Melayu atau pun bahasa kebangsaan itu sa-bagai bahasa rasmi, tetapi bagi meneruskan penggunaan bahasa² kaum lain sa-bagaimana yang di-jalankan sekarang ini, maka Undang² itu memberi pula kuasa kepada Kerajaan Persekutuan atau mana² Kerajaan Negeri menggunakan terjemahan² daripada mana² document atau surat rasmi yang di-buat di-dalam bahasa kaum lain yang ada di-Persekutuan ini untuk sa-barang maksud yang di-fikir mustahak bagi kepentingan 'awam. Ketetapan ini ia-lah bagaimana yang terkandung di-dalam Fasal 3 dalam Rang Undang² ini. Fasal 3 ini tidak-lah sekali² bertujuan hendak menjadikan bahasa² lain sa-bagai bahasa rasmi. Bahkan, sa-bagaimana yang di-tetapkan dalam Fasal 2, jelas dan nyata bahawa bahasa Melayu sahaja-lah yang menjadi bahasa rasmi yang tunggal bagi negeri kita ini. Fasal 3 ini sa-mata² bertujuan bagi membenarkan penggunaan terjemahan daripada mana² document atau surat rasmi yang di-buat di-dalam bahasa kaum lain yang ada di-Persekutuan ini yang Kerajaan fikir patut di-terjemahkan bagi pengetahuan 'awam.

Saya perchaya, tiada siapa pun dapat menapikan tentang peri mustahak-nya Kerajaan menggunakan terjemahan itu apakala di-fikirkan perlu dan patut. Bagi menghuraikan lagi kenyataan saya ini saya suka memberi satu contoh ia-itu sa-orang pegganas komisaris yang mempunyai naskhah terjemahan daripada risalah tawaran

penyerahan diri boleh di-tembak sampai mati oleh Pasokan² Keselamatan dengan sebab risalah² itu tidak dituliskan di-dalam bahasa rasmi. Dan dengan demikian tidak-lah di-sifatkan sa-bagai tawaran penyerahan yang rasmi. Begitu juga papan² notis yang di-letakkan di-kawasan² larangan yang bertulis dalam bahasa rasmi sahaja dengan tidak ada terjemahan-nya akan membahayakan nyawa orang² yang tidak bersalah.

Oleh yang demikian langkah menterjemahkan risalah² atau papan² notis itu ka-dalam bahasa² lain boleh-lah di-sifatkan sa-bagai menjaga kepentingan 'awam. Banyak lagi chontoh² yang lain yang boleh saya sebutkan untuk menunjukkan bagaimana mustahak-nya di-beri kuasa kepada menggunakan Fasal itu bagi kepentingan 'awam.

Tuan² tentu-lah soal apa-kah sebab notis² dan risalah² telah pun dikeluarkan dahulu dengan tidak menggunakan Undang² sa-umpama Fasal 3 yang ada pada kita pada hari ini. Maka jawab saya, bahasa kebangsaan belum lagi di-rasmikan. Tetapi sekarang telah pun di-rasmikan boleh jadi di-silap faham. Sungguh pun tidak salah mereka itu memegang satu² naskhah atau risalah dengan bahasa lain tetapi tidak kita kata di-luluskan di-dalam Undang². Maka sa-kali ini kita dengan kerana kita hendak buat Undang² baru kita luluskan.

Jadi, satu perkara lagi yang telah pernah saya sebutkan beberapa kali ia-lah mengenai dengan penggunaan bahasa Inggeris. sa-lepas daripada bahasa kebangsaan jadi bahasa rasmi. Banyak sebab² yang memerlukan kita meneruskan penggunaan bahasa Inggeris itu untuk kerja² Kerajaan supaya kecekapan jentera pentadbiran kita tidak terganggu. Sa-kali pun telah banyak terdapat pegawai² Kerajaan yang telah bersungguh² mempelajari bahasa kebangsaan dalam masa 10 tahun yang lepas, tetapi banyak pula yang tidak dapat menguasai bahasa Melayu itu dengan sa-chukup-nya bagi membolehkan mereka itu menjalankan kerja² yang penting dalam bahasa kebangsaan. Banyak daripada mereka

itu yang telah lanjut umur-nya atau pun kerana sebok menjalankan tugas masing² tidak dapat peluang belajar bahasa kebangsaan dengan sempurna. Ada pula di-antara mereka yang menjalankan kerja² yang pakar, yang susah mereka hendak menghuraikan sa-suatu masalah dalam bahasa kebangsaan oleh kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bahasa kita ini. Dengan hal yang demikian, Fasal 4 dalam Rang Undang² ini memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya membenarkan bahasa Inggeris di-gunakan terus untuk kerja² rasmi menurut bagaimana yang di-fikir mustahak oleh Baginda.

Fasal 5 dalam Rang Undang² ini memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Dewan Negara, Speaker Dewan Ra'ayat atau Speaker Dewan Undangan Negeri atau pun kepada siapa juga yang menjalankan kerja² itu supaya membenarkan mana² ahli Dewan yang tersebut menggunakan bahasa Inggeris di-dalam Parlimen atau pun di-dalam Dewan Undangan negeri itu. Fasal ini di-buat ia-lah sa-mata² bagi menjaga parliamentary democracy untuk memberi peluang kepada Ahli² Yang Berhormat yang masih lemah dalam bahasa kebangsaan, mengeluarkan fikiran² mereka dengan sa-jelas²-nya di-dalam Dewan² yang tersebut supaya dengan itu dapat-lah mereka menjadi Wakil² Ra'ayat yang berguna untuk faedah bangsa dan negara.

Oleh kerana Undang² ini tidak berjalan kuatkuasa-nya di-negeri² dalam Malaysia Timor, maka Wakil² Ra'ayat daripada negeri itu di-benarkan memakai bahasa Inggeris dengan tidak payah mendapat kebenaran daripada Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat. Speaker dan lain²-nya. Sunggoh pun begitu, saya suka memperingatkan kepada rakan² kita daripada Malaysia Timor bahawa sa-kira-nya boleh mereka pakai bahasa kebangsaan adalah nampak-nya sangat baik kerana orang² bumiputera daripada Malaysia Timor ada-lah semua-nya dapat bertutor dengan terus terang dengan bahasa kebangsaan, lebih—apabila

saya kata di-sini lebih—kerana saya tahu daripada kepandaian mereka dalam bahasa Inggeris. Tetapi dengan kerana Perlembagaan telah menyebutkan bagi untuk negeri² Sabah dan Sarawak mereka boleh guna bahasa Inggeris sa-lama 10 tahun dari Hari Malaysia ikut-lah mereka hendak guna, tak mahu guna tak usah-lah guna. Tetapi, kalau tidak guna, lagi baik.

Saya suka mengambil peluang ini untuk berseru kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian supaya menunjokkan contoh tauladan kepada ra'ayat negeri ini dengan chara menggunakan bahasa rasmi dengan sa-berapa banyak yang boleh terutama-nya sa-kali dalam masa mereka beruchap dalam Parlimen atau dalam Dewan Undangan Negeri kita ini. Dan juga saya mengingatkan kepada pegawai² Kerajaan juga supaya mereka yang pandai dalam bahasa Inggeris gunakan-lah juga bahasa kebangsaan apabila bertutor di-antara satu sama lain supaya tauladan itu dapat di-ikuti oleh orang² kita yang ramai.

Sa-kira-nya sa-bilangan sahaja yang mengaku hendak menggunakan bahasa rasmi, sa-bilangan-nya, dengan kerana hendak tunjok kepandaian mereka tak mahu guna, jadi, ini tidak-lah menjadi satu perkara yang baik.

Fasal 6 pula menetapkan bahawa kesemua Rang Undang² atau pun pindaan² yang di-buat bagi-nya yang di-bentangkan di-dalam Parlimen atau pun Dewan Undangan² Negeri kesemua-nya Undang² Parlimen dan Undang² Tambahan yang di-keluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan mana² Kerajaan Negeri dan kesemua Undang² yang di-ishtiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong hendak-lah di-ulis di-dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris. Sunggoh pun begitu naskhah bahasa kebangsaan bagi Undang² itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai naskhah yang sah kepada sisi Undang² terkechuali apa-kala Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menentukan naskhah bahasa Inggeris menjadi naskhah yang sah pada sisi Undang² bagi Undang² yang tertentu.

Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sakalian dapat faham, kuasa menentukan naskhah dalam bahasa apa-kah bagi mana² Undang² itu menjadi naskhah yang sah pada sisi Undang², ada-lah terletak di-tangan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Bagi menghuraikan lagi tujuan-nya, saya suka menjelaskan ia-itu apakala naskhah bagi mana² Rang Undang-atau sharat² rasmi yang di-tulis dalam bahasa Melayu tidak dapat memberi ma'ana yang tepat atau pun tidak dapat menjelaskan kehendak mana² Undang² dan jika naskhah bahasa Inggeris-nya dapat memberi ma'ana yang tepat, ma'ana yang kita kehendaki. maka Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong akan di-nasihat supaya menentukan bahawa naskhah Inggeris itu hendak-lah menjadi naskhah yang sah.

Jadi, semua-nya, bagaimana saya kata tadi, kuasa itu ada-lah di-tangan Yang di-Pertuan Agong. Tujuan-nya ia-lah maksud bagaimana Undang² mesti-lah dapat di-faham dengan tepat untuk menjaga kepentingan 'awam. Tidak-lah bijak kira-nya kita berpegang sa-mata² kepada hasrat kita hendak mengamalkan bahasa kebangsaan itu dengan tidak menghiraukan sama ada naskhah bahasa kebangsaan itu salah atau pun tidak.

Fasal 7 pula mensharatkan bahawa Fasal 6 itu tidak-lah terkena kepada pindaan bagi mana² Undang² yang bertulis yang telah berjalan kuat-kuasa sa-belum daripada Undang² Bahasa Kebangsaan ini berjalan. tetapi cherajian (2) di-bawah Fasal itu memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya menentukan bahawa terjemahan mana² Undang² yang telah di-buat sa-belum daripada Undang² itu berjalan sa-bagai naskhah Undang² yang mempunyai kuasa pada sisi Undang². Jika ketetapan yang saperti ini tidak di-buat maka tidak-lah ada Undang² yang berjalan kuat-kuasa-nya di-dalam negeri kita ini. Oleh itu Fasal 7 ini membenarkan Undang² dalam bahasa Inggeris itu di-gunakan

terus sa-hingga kita dapat mengeluarkan Undang² ini di-dalam bahasa kebangsaan. Jadi tegas-nya Kerajaan akan menjalankan kuat-kuasa Undang² yang kita ada ini hingga samar kita dapat menyediakan undang² di-dalam bahasa kita yang boleh memuaskan hati kita ini.

Saya suka menerangkan di-sini sa-lama ini, sa-lama sa-puluh tahun, kita telah berusaha hendak menterjemahkan segala Undang² tetapi dengan kerana tidak ada orang yang pandai atau pakar yang boleh menterjemahkan Undang² yang kita ada hari ini dalam bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan maka dengan kerana itu-lah tidak dapat kita hendak menggunakan, kerana kalau kita gunakan sudah tentu berbangkit berbagai² salah faham di-atas ma'ana yang terkandung di-dalam Undang² itu.

Saya perchaya Ahli² Yang Berhormat dapat memahami Fasal 8 dalam Rang Undang² itu dengan jelas-nya oleh kerana hakim² dan loyar² di-dalam negeri kita ini kebanyakan-nya belum lagi chekap dalam bahasa kebangsaan dan oleh kerana Undang² Negeri maseh banyak (boleh di-katakan semua-nya) yang bertulis dalam bahasa Inggeris dan belum dapat kita terjemahkan. maka bagi kepentingan anak² guam mereka mustahak-lah dibenarkan mereka itu menggunakan bahasa Inggeris. dalam masa perbi-charaan di-jalankan di-Mahkamah; dengan chara yang saperti ini dapat-lah kita menjaga supaya terpelihara ke-'adilan di-dalam negeri kita ini.

Untuk menunjukkan bagaimana mustahak dan penting-nya asas² ke-'adilan itu di-pelihara maka sa-orang pujangga yang bernama Pascal telah mengatakan bahawa ke-'adilan dan kebenaran ia-lah dua perkara yang sangat halus dan lembut yang tidak dapat di-tempoh atau pun di-sentuh dengan sempurna-nya oleh perkakas² atau alat yang tumpul; dan di-dalam bahasa Inggeris-nya:

"Justice and truth are two points of such exquisite delicacy that our coarse and blunted instruments will not touch them accurately."

Dengan ini berma'ana-lah ke'adilan itu mesti-lah di-jaga dengan sa-baik²-nya dan tidak-lah boleh sa-kali² di-rengankan. Maka Fasal 8 ini membenarkan perbicharaan di-dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi atau mana² Mahkamah Rendah di-jalankan di-dalam bahasa kebangsaan atau pun di-dalam bahasa Inggeris atau pun sa-bahagian di-dalam bahasa kebangsaan dan sa-bahagian lagi di-dalam bahasa Inggeris. Jika semua pehak di-dalam perbicharaan itu terdiri daripada orang² Melayu, maka perbicharaan itu mestilah di-jalankan di-dalam bahasa kebangsaan.

Rengkas-nya Rang Undang² yang ada di-hadapan Ahli² Yang Berhormat sakalian mengandong kesemua sharat² sa-bagaimana yang terkandung di-dalam Perkara 152 dalam Perlembagaan negara kita ini, untuk menjadikan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal yang mesti di-gunakan bagi maksud² rasmi; fasal ini juga menentukan bahawa apakala habis tempoh 10 tahun yang tersebut, bahasa Inggeris maseh boleh di-gunakan bersama² dengan bahasa kebangsaan kiranya di-persetujukan oleh Parlimen. Sa-bagaimana yang dapat di-saksikan daripada sharat² yang terkandung di-dalam Rang Undang² ini di-samping menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi, penggunaan bahasa Inggeris akan di-kurangkan dengan banyak-nya. Itu-lah juga bagaimana saya katakan, tuan² faham dahulu masa kita men-chapai kemerdekaan masing² bergopoh-gapah kehendak-nya semua pegawai² Inggeris keluar daripada negeri ini.

Saya dan rakan² saya kata sabar kita hendak kena belajar untuk hendak menyelamatkan, memelihara negara kita ini, jadi siapa yang boleh bagi ajaran itu baik-lah kita terima dan kita gunakan kerana kita memandang kapada keselamatan negeri dan bangsa bukan untuk hari ini bahkan untuk sa-lama² masa. Jadi masing² ada, yang kata itu, yang tegor ini, yang chachi, tetapi belum habis 5 tahun habis-lah semua pegawai² Inggeris keluar daripada sini yang mana ada pun kita minta suroh duduk untuk menjalankan kerja-nya bagi

menolongkan kita sakalian, ini-lah juga kita gunakan bahasa Inggeris. Pada satu masa kelak telah tentu tidak berapa lama lagi orang² yang dalam negeri ini bertambah pula budak² semua daripada segala bangsa yang belajar dalam sekolah bahasa² Melayu, mereka boleh menjalankan senang sahaja segala tugas² mereka dengan bahasa kebangsaan, tetapi jangan-lah kita gopoh-gapah kerana ini negeri yang berlainan daripada banyak² negeri di-dalam dunia ini kerana ada-nya berbilang bangsa, yang menggunakan bahasa Melayu boleh kata sa-paroh sahaja, dan dengan kerana itu kenalah kita ator dan susun segala pekerjaan² dengan chermat kerana hendak menyelamatkan negeri, hendak menyelamatkan nyawa, hendak menyelamatkan segala²-nya. Ini tertanggung di-atas ketua² yang berkhidmat dengan ikhlas—tulus ikhlas bukan hendak chari kepentingan bagi diri mereka itu.

Saya berharap Rang Undang² ini akan memenuhi kehendak sakalian pehak, dan pehak² parti Pembangkang atau pun orang² yang tidak bertanggung-jawab tidak akan memutar belitkan kehendak² yang sa-benar sa-bagaimana yang terkandung di-dalam Rang Undang² ini untuk kepentingan diri mereka sendiri. Saya dan rakan² saya dalam Kabinet merasa puas hati bahawa Rang Undang² ini telah meliputi segala sharat² dan tujuan² yang terkandung di-dalam Perkara 152 Perlembagaan negara kita yang memenuhi hasrat ra'ayat negeri kita ini.

Dalam pada itu saya merasa sangatlah dukachita kerana telah timbul berbagai² tuduhan daripada orang² Melayu sendiri yang mengatakan bahawa saya dan rakan² saya dan pemimpin² UMNO dan Perikatan telah memungkirkan janji dan hendak men-chabol kedaulatan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi. Mereka mengatakan bahawa kami hendak menjualkan kedaulatan orang² Melayu kapada kaum² lain. Di-sini saya ingatkan dalam masa 10 tahun yang kami menjalankan pemerintahan dalam negeri ini ada-kah tanda² yang menunjukkan bahawa kami ini derhaka atau menjalankan tugas kami dengan

tidak mengambil timbang hal² orang² Melayu ini, atau pun ada-kah tanda² yang kami ini menjualkan bangsa Melayu kepada orang² lain. Sa-mata² yang kami menjalankan kerja ini kerana menjalankan kewajipan untuk kesenangan, untuk keamanan negeri ini dengan kerana itu-lah kita sudah jadi satu tauladan sunggoh pun penduduk² berbilang bangsa tetapi negeri ini telah mencapai keamanan yang luar biasa dan dengan itu telah mendapatkan modal untuk memberikan segala faedah kepada orang² di-dalam kampung², orang² yang miskin² yang berharap dan bergantung sa-mata² kepada Kerajaan untuk menolongkan mereka. Jikalau timbul pergaduhan antara satu kaum dengan satu kaum maka dengan itu boleh tenggelam semua sa-kali segala modal² kita ini, dengan itu tidak dapat-lah di-buat satu benda pun yang boleh memberi faedah kepada siapa². Maka dengan kepentingan ini-lah yang kami pegang hendak menjagakan keselamatan negeri kita ini dengan hendak memberikan faedah kepada semua orang² yang duduk dalam negeri kita ini.

Saya dapati orang² Melayu yang membuat tuduhan² itu ada dua puak, satu puak yang tidak berapa faham—yang tidak tahu baca dan tidak mengerti segala maksud yang terbit daripada kita ini. Puak itu tidak dapat-lah kita hendak kata apa², puak itu sa-mata² bergantung di-atas apa fahaman yang boleh di-beri oleh orang² yang faham, jadi mereka ini tiada-lah berdosa, tidak-lah saya hendak kata apa² di-atas orang ini.

Sa-balek-nya orang² yang tahu baik², orang yang tahu tujuan dan maksud kita ini pusingkan untuk hendak menchari faedah kepentingan diri atau faedah kepentingan parti dan membawa segala tuduhan yang palsu sa-mata² dengan tujuan untuk menjatuhkan Kerajaan kita ini supaya Parti mereka boleh tubuhkan Kerajaan sa-umpama yang kehendak mereka itu. Kalau macham mereka hendak menubuhkan Kerajaan dengan sempit pandangan, dengan tidak tentu polisi, menyala-lah negeri ini, meletup lebih daripada yang kita tahu letupan gunung berapi.

Siapa hendak dapat kesenangan daripada perbuatan mereka itu?

Jadi ini-lah yang saya kata Fasal (3) itu dan tuduhan yang di-buat sa-mata² bagi menimbulkan shak-wasangka terhadap kejujoran pemimpin² yang memegang teraju Kerajaan pada hari ini. Jadi mereka menuduh kita hendak mengamalkan dasar multi-lingualism atau berbilang bahasa. Sa-kira-nya Kerajaan bertujuan hendak mengamalkan dasar multi-lingualism itu di-dalam negeri kita ini, maka tidak-lah mustahak di-buat Rang Undang² ini ia-itu satu Undang² yang menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal di-dalam negeri kita ini. Nama bagi Undang² ini sudah-lah chukup bagi menunjokkan dengan jelas-nya kepada semua orang bahawa bahasa Melayu ia-lah bahasa rasmi, tetapi mustahak-lah di-masokkan juga di-dalam Undang² ini langkah² yang boleh membawa kepada pelaksanaan-nya di-jalankan dengan lichen.

Sa-bagaimana yang saya telah jelaskan tadi Mahkamah² akan terus di-benarkan menggunakan bahasa Ingeris dan bahasa kebangsaan dan bahasa² lain akan di-gunakan dengan luas-nya sa-bagaimana kita gunakan sekarang ini. Sunggoh pun begitu, saya suka memberi ingatan dan amaran bahawa jangan-lah orang² yang bukan Melayu menggunakan Fasal (3) ini untuk mengelak diri mereka daripada mempelajari dan menggunakan bahasa kebangsaan. Saya ulang kata, bahawa kuasa yang hendak terjemah atau tidak itu ada-lah terletak di-dalam tangan Kerajaan bukan boleh siapa² menuntut sa-bagai hak yang mahu ini terjemah, itu terjemah—kuasa itu sa-mata² untuk pengetahuan awam. Sa-kira-nya mereka benar² mempunyai ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada negeri kita ini maka mereka mesti-lah merasa bangga dengan bahasa negara mereka yang ada sendiri bahasa Malaysia ia-itu bahasa negara kita ini dan menggunakan bahasa itu dengan sa-luas-nya. Sa-bagai satu bangsa yang merdeka dan berdaulat kita mesti-lah mempunyai bahasa kita sendiri yang tidak di-pinjam daripada bangsa lain. Sa-kira-nya tiap² sa-orang warganegara

negeri ini mempunyai semangat kaseh sayang kapada bangsa mereka, maka mesti-lah mereka mempunyai rasa bangga dengan bahasa kebangsaan mereka itu. Dan apakala mereka telah faham bahasa yang tersebut, Kerajaan pada ketika itu tidak-lah mustahak menggunakan Fasal 3 undang² ini.

Saya telah memimpin negara kita ini sa-hingga mencapai kemerdekaan dan telah mengisikan kemerdekaan itu dengan berbagai² kemajuan yang boleh mendatangkan kema'amoran kapada negara dan kebahagiaan dan kesenangan kapada ra'ayat jelata sakalian. Pada hari ini ra'ayat negeri ini ada-lah hidup dengan fahaman baik dan saling mengerti antara satu sama lain dan negeri kita ini ada-nya di-dalam keadaan yang aman, ma'amor sa-hingga nama Malaysia harum kaserata² dunia dan sa-masa saya maseh menjadi pemimpin negeri ini, maka ada-lah menjadi kewajipan saya bagi memenohi sharat² yang terkandung di-dalam Perlembagaan mengenai bahasa kebangsaan dengan chara yang boleh di-terima oleh ra'ayat² semua-nya.

Sungguh pun ada dua jalan yang terbuka untuk melaksanakan bahasa kebangsaan ini, tetapi saya pilih dan rakan² saya bersetuju chara yang baik, chara yang boleh menimbulkan perasaan baik antara satu bangsa dengan lain bangsa yang menjadi ra'ayat di-dalam negeri kita ini. Jalan yang pertama, mahu ta' mahu, kita jalankan kuat-kuasa bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, dan chuba hendak jalankan dengan keras-nya, tidak peduli dan tidak ambil hirau di-atas perasaan sa-siapa pun, kerana apa, kerana kita berkuasa di-dalam negeri kita ini.

Jadi, saya kata jikalau kita memilih jalan yang itu, apa-kah akan berlaku dalam negeri kita ini? Ra'ayat semua yang ada ini bukan-lah bisu, bukan pekak, atau tuli, atau bukan-lah orang² tidak ada fikiran sendiri. Ada perkara yang mereka boleh terima, perkara yang adil yang baik yang di-buat dengan jalan yang baik. Perkara yang hendak di-buat dengan kasar itu telah tentu mereka tidak terima. Kalau

mereka tidak terima dan kekerasan ini di-jalankan juga, apa akan berbangkit dalam negeri kita ini? Saya tidak mahu hendak kata apa akan berbangkit, tuan² pun boleh tahu. Jadi, jalan yang baik jalan yang membawa keamanan, jalan yang kita tahu yang boleh di-terima oleh ra'ayat dan pada akhir-nya hasil-nya ia-lah bahasa itu akan menjadi bahasa rasmi pada satu masa yang tidak lambat. Ini-lah saya ingat jalan yang baik, jalan yang di-terima oleh semua pihak, jalan yang di-redzai oleh Allah. Ah, Parti Islam ketawa, dia—kalau kita hendak berkawan dengan orang² China, dia kata kita kafir. Macham ini boleh-kah hendak jalankan pemerentahan negeri kita ini? Tentu ta' betul. Jadi, jalan ini-lah jalan yang baik dan dengan jalan ini gudan², pentadbiran Kerajaan dan lain²-nya dapat senang meneruskan pentadbiran-nya dengan mendatangkan kemajuan dan keamanan kapada negeri kita ini, maka jalan ini saya bersetuju dan saya tahu tuan² akan bersetuju sa-bagai jalan yang baik.

Jadi, kalau kita jalankan, kata-nya jalan yang saya kata jalan kasar, kalau jadi bangkit pergaduhan apa yang kita dukachita ia-lah orang² yang tidak salah, orang² yang tidak berdosa, inilah orang² yang akan menanggung segala kesusahan, segala azab sangsara. Orang² yang mendesak itu, buat itu, dan buat ini dengan keras, orang² itu chabut lari bersembunyi serata cherok. Motokar ada, semua ada. Ini orang yang dudok dalam kampung ini ta' dapat lari, yang hendak kena tanggung segala bungkus tikar bantal semua, inilah orang² yang hendak kena. Memikirkan hal orang² ini, maka ta' ada jalan lain yang harus kita buat satu² perkara melainkan kita tampak dengan jalan yang baik, jalan yang boleh di-terima oleh semua kaum. Chara yang satu lagi ini-lah saya kata chara yang kita kehendaki Rang Undang² ini memberi jaminan untuk kita ini melaksanakan tujuan kita ini dengan chara yang aman, dan orang² yang bukan Melayu, tidak-lah patut sa-kali² menolak-nya.

Rang Undang² ini di-buat dengan chara liberal dan tidak ada sebab

untuk siapa pun jua yang membangkang, yang patut membangkang-nya. Jikalau 10 tahun dahulu Perlembagaan negeri ini telah di-terima dengan adanya Perkara 152 di-dalam Perlembagaan ini, maka tidak ada sebab bagi sa-siapa juga pun menolak Rang Undang² ini. Kita telah memenohi janji kita ini kepada ra'ayat negeri ini dan kita tidak membangkang atau membangkitkan sa-barang perkara yang boleh menimbulkan churiga dihati mana² pehak.

Ini-lah satu jalan yang sa-habis² baik yang dapat menjamin keamanan dan juga memberi jaminan bahawa bahasa² lain tidak akan terancham. Mereka yang enggan menerima Rang Undang² ini dan membangkang perlaksanaan-nya, boleh-lah di-sifatkan sa-bagai orang² yang tidak mempunyai tanggung-jawab, atau orang² yang khianat kepada bangsa, kepada negara, dan saya berani berkata tidak ada sa-buah Kerajaan yang lain yang dapat memberi layanan yang lebih adil daripada Kerajaan kita ini (*Tepok*).

Saya dan rakan² saya sanggup menghadapi apa juga kemungkinan² yang akan timbul di-sebabkan oleh Rang Undang² ini sa-kali pun jatuh Kerajaan yang ada pada hari ini (*Tepok*). Saya yakin jika negeri ini hendak memelihara keadaan yang terdapat pada hari ini, maka kita mesti-lah mempunyai satu asas untuk perpaduan ra'ayat. Kehidupan ra'ayat yang tidak bersatu-padu kerana tidak mempunyai asas yang kuat, tidak akan dapat menjamin keamanan dan kesejahteraan di-dalam negeri ini.

Kita mesti-lah ingat bahawa ra'ayat negeri ini yang ada dengan berbilang kaum dan bangsa dapat di-satukan ialah dengan kerana ada-nya kesanggupan mereka menerima satu bahasa yang akan menjadi asas ta'at setia mereka terhadap negeri kita ini.

Saya merasa yakin orang² negeri ini tidak akan merasa susah hendak menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, kerana kita dapati sa-genap pehak, di-dalam segala lapisan dan golongan tahu bertutor dalam bahasa Melayu.

Sa-bagai sa-orang pemimpin, saya berasa bertuah kerana telah mendapat kepercayaan dari sa-genap lapisan ra'ayat negeri ini. Tetapi, sa-bagai manusia yang biasa, pada satu hari kelak, ta' dapat tidak saya akan terpaksa meninggalkan tuan² dan menyerahkan pimpinan kepada orang lain pula. Tetapi, dahulu daripada saya meninggalkan tempat saya ini kena-lah kita menchari satu alat, satu perkara kita mesti menchari satu benda yang boleh mengikat tali perpaduan antara seluroh ra'ayat. Dan saya rasa bahasa kebangsaan ini-lah satu-nya faktor yang boleh menghasilkan tujuan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukachita-nya mengemukakan Rang Undang² Bahasa Kebangsaan tahun 1967 ini di-bacha bagi kali yang kedua (*Tepok*).

Menteri Kewangan (Tuan Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan amat sukachita-nya menyokong usul ini (*Tepok*). Hari ini ia-lah hari yang amat bertuah dan bersejarah bagi kita ra'ayat Malaysia. Pada hari ini kita mengemukakan Rang Undang² yang menjadikan bahasa Melayu bukan sahaja sa-bagai bahasa kebangsaan, tetapi juga menjadikan-nya sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal (*Tepok*).

Saya berasa amat bertuah dan sukachita kerana dapat bersama² di-dalam Dewan yang mulia ini hagi mengemuka, membahath dan meluluskan Rang Undang² yang amat penting dan bersejarah ini.

Rang undang² ini telah di-buat dengan memakan masa yang lama. Segala perkara, segala kehendak dan segala pandangan daripada semua pehak yang berlainan, bahkan amat bertentangan antara satu dengan lain itu, telah di-timbangkan dengan sangat teliti. Dalam masa menimbang dan membuat Rang Undang² ini, kita sentiasa ingat supaya perpaduan dan keamanan ra'ayat Malaysia seluroh-nya telah berkekalan. Hasil-nya inilah dia, Rang Undang² itu yang berupa suatu inti atau "synthesis" yang saya perchaya dapat memberikan sa-berapa

banyak kepuasan hati kepada sa-berapa banyak pihak dan ra'ayat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apa-kah sa-benar-nya maksud Rang Undang² ini? Tentu-lah, Tuan Yang di-Pertua, tidak terkeluar daripada maksud yang besar ia-itu melaksanakan kehendak Fasal 152 dalam Perlembagaan, bahawa Parlimen hendak-lah membuat ketentuan sa-lepas 10 tahun merdeka, apa-kah bahasa Inggeris itu hendak di-kekalkan di-samping bahasa kebangsaan atau tidak? Itu soal-nya. Yang terkandung dalam Fasal 152 di-dalam erti semangai ia-lah sa-sudah 10 tahun kita merdeka. Parlimen berhak menentukan apa-kah bahasa Inggeris itu hendak di-kekalkan menjadi bahasa rasmi atau pun hendak

di-kesaropangkan. Jika hendak dikekalkan terus, mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, sampai bila² masa yang akan di-tentukan lagi, kata-lah 10 tahun lagi, kita nampak tidak ada sebab kenapa tidak dapat di-buat satu pindaan kepada Perlembagaan dengan menukarkan kalimah 10 kepada 20 kalau sudah merasa sekarang salah hitungan dan salah kira² hendak tukar 10 tahun ta' chukup jadikan 20, jadi kena-lah 10 tahun lagi.

Jika kita sedar bahawa bahasa kebangsaan sekarang telah chukup mampu melayakkan diri-nya bertugas sebagai bahasa rasmi yang tunggal, maka tidak perlu pula Kertas Biru yang sademikian rupa, undang² yang kita bahathkan sa-demikian rupa. Yang dikehendaki oleh Perlembagaan—dalam Fasal 152 itu—Tuan Yang di-Pertua, ia-lah Parlimen menentukan bahasa Inggeris mahu di-pakai lagi atau tidak. Ketentuan Parlimen tentu-lah mengikut syarat sama ada di-dalam usul atau pun Rang Undang² kalau perlu dengan Rang Undang² tentu-lah mengenai kedudukan bahasa Inggeris itu. Umpama-nya, jika bahasa Inggeris itu akan di-gunakan juga dalam masa² yang terhad atau tempoh² yang terhad dan di-lapangan² yang terbatas pula perlu di-chatitkan di-dalam fasal² yang tertentu di-dalam Rang Undang² itu. Oleh kerana bagian² soal Mahkamah-kah, soal apa-kah, tidak dapat di-jalankan lagi dengan lichin di-dalam Pentadbiran-nya di-dalam Bahasa Kebangsaan mithalannya, maka perlu buat sementara waktu ini di-gunakan bahasa Inggeris di-dalam lapangan² yang tertentu itu. Di-dalam tempoh yang di-tentukan oleh undang² di-dalam Perlembagaan sendiri yang menjadi ibu bagi undang² Negara kita ini pun di-tentukan 10 tahun. Jadi nyata-lah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Rang Undang² ini sendiri telah menchabul kehendak Perlembagaan itu, telah menchabul kehendak Perlembagaan yang di-kandongkan dalam Fasal 152 itu.

Ada pun tentang kedudukan bahasa² lain itu, Tuan Yang di-Pertua, bahasa China-kah, bahasa Tamil-kah, tidak berbangkit sama sa-kali, dan tidak perlu di-bangkitkan di-dalam Rang Undang² ini. Tentu-lah Yang Berhor-

mat Menteri Kewangan baik, atau Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom baik, akan bergembira menyambut Rang Undang² ini sebab Rang Undang² ini ada-lah memberikan satu lubang yang halus untuk jarum-nya masok ka-dalam. Akan tiba sa'at dan ketika-nya, mahu ta' mahu, memang mahu, tentu mahu, kalau orang hendak beri siapa yang ta' mahu. Kalau chakap ta' mahu, bagaimana sa-kali pun, kalau ada fasal yang boleh sampai kepada kehendak, kita terimalah dengan baik, akan bergembira-lah tuan² sakalian—itu soal-nya. Tetapi masalah kita sekarang ini apa perlu dalam Rang Undang² ini di-bangkitkan soal kedudukan bahasa² yang lain seperti bahasa China, dan Tamil. Jaminan yang ada dalam Perlembagaan telah chukup, Tuan Yang di-Pertua. Jaminan yang ada di-dalam Perlembagaan telah chukup. Apa yang sangat di-bimbangkan oleh Kerajaan dalam perkara ini? Dalam Perlembagaan telah di-sebutkan bahawa tidak-lah di-larang ra'ayat negeri ini mengajar dan mempelajari bahasa mereka serta menggunakan sa-sama mereka, ini tidak kena-mengena dengan urusan rasmi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dari Rang Undang² Bahasa Kebangsaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya membahagikan kepada dua, bukan dua fasal tetapi kepada dua penyelewengan. Saya mem-
bahagikan Rang Undang² ini kepada dua penyelewengan besar yang menyeleweng kepada kehendak² Perlembagaan. Yang pertama penyelewengan² dengan tujuan hendak menegakkan kedudukan bahasa Inggeris di-negeri ini. Fasal 4, fasal 5, dan fasal 6 Rang Undang² ini ada-lah kenyataan yang jelas, fasal 4 membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam urusan² rasmi dalam masa yang tidak di-tentukan. Kata fasal 4 ini, Yang di-Pertuan Agong boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di-lanjutkan untuk apa² maksud rasmi yang di-fikirkan patut entah sampai bila, entah sampai bila itu, — tambahan ayat saya-lah.

Yang di-Pertuan Agong boleh membenarkan penggunaan bahasa rasmi. Bagi orang yang tidak mengerti kedudukan undang² Perlembagaan orang

akan mengatakan Oh! Yang di-Pertuan Agong tak kan-lah Yang di-Pertuan Agong hendak membenarkan lintang pukang atau sa-barangan sahaja. Sebab Yang di-Pertuan Agong tentu-lah Oh! Yang di-Pertuan Agong, Raja kita semua sekali! Orang tidak tahu negeri ini tundok di-bawah Perlembagaan. Bila sebut Yang di-Pertuan Agong ini kembali-lah kepada Perdana Menteri. Dengan nasehat Perdana Menteri, dengan nasehat Kabinet, boleh menggunakan, boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di-lanjutkan untuk apa² maksud rasmi yang di-fikirkan patut dalam masa yang tak di-tentukan. Penyelewengan yang terkandung di-dalam fasal ini, Tuan Yang di-Pertua, terutama sa-kali ia-lah ketiadaan ketentuan masa dan waktu atau tempoh penggunaan bahasa Inggeris itu dan tiada pula sebab² yang munasabah. Sedangkan amanat 152 Perlembagaan kita menegaskan bahawa sa-lepas 10 tahun merdeka, kedudukan bahasa Inggeris akan di-kaji atau pun dengan arti kata yang lain dalam semangat-nya kedudukan bahasa kebangsaan sudah matang dan layak menjadi bahasa rasmi yang tunggal dan ini bersesuaian dengan ucapan Tunku Perdana Menteri pada 4hb Jun, 1955 yang saya bacha terdahulu dari itu. Ma'ana-nya mengkaji kedudukan Bahasa Inggeris itu, bukan mengkaji untuk di-gunakan terus menerus. Tetapi mengkaji tentang kemampuan bahasa kebangsaan itu mengambil aleh dan mengkaji chara bagaimana meletak atau mengenepikan Bahasa Inggeris dalam urusan² rasmi. Ini soal-nya.

Fasal 5 pula, Tuan Yang di-Pertua, membenarkan Ahli² Parlimen, Ahli² Dewan Undangan Negeri boleh membuat ucapan dalam bahasa Inggeris. Dalam Rang Undang² ini kata fasal 5, Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat atau Yang di-Pertua Dewan Negeri, bagi mana² negeri, atau s-orang lain yang pada masa itu menjalankan tugas mana² jawatan itu, boleh membenarkan sa-saorang Ahli dari mana² satu daripada dua Majlis Parlimen atau Dewan Negeri, mengikut mana² yang berkenaan menggunakan bahasa Ing-

geris apabila membuat ucapan dalam mana² satu daripada dua Parlimen atau dalam mana² Dewan Negeri atau pun apabila dengan jalan lain, mengambil bahagian dalam kerja²-nya dengan syarat tiada-lah apa² jua dalam ini boleh menyekat Bahasa Inggeris di-gunakan dalam mana² satu daripada dua Majlis Parlimen oleh sa-orang ahli bagi atau dari sa-sabuah Negeri Borneo. Soal dengan syarat itu tolak sa-belah-lah. Kita tidak membahatuhkan sekarang. Soal-nya, Yang di-Pertua Dewan Negara atau Speaker atau Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri boleh membenarkan Ahli² itu berchakap, bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri baru sa-bentar tadi ia-lah dengan kerana ada diantara Ahli Parlimen ini yang tidak dapat lagi menguasai bahasa ibunda ini—bahasa kebangsaan ini—dengan sa-baik-nya. Kalau Ahli berniaga, Tuan Yang di-Pertua, tidak sempat hendak belajar kerana sibok dengan chapua-nya, dengan segala kira² berniaga-nya boleh juga di-ma'afkan, kalau orang tua² yang di-sebutkan oleh Perdana Menteri tidak sempat belajar kerana sibok dengan chuchu dan chichit-nya boleh juga di-ma'afkan. Tetapi Ahli² Politik, politician yang di-pilih oleh ra'ayat dudok dalam Rumah yang mulia ini tidak mempunyai kesempatan waktu dan ketika untuk menguasai bahasa kebangsaan ini amat-lah menyedehkan sekali. Alasan yang di-buatkan oleh Tunku Perdana Menteri itu, pada faham saya, alasan sa-mata². Alasan untuk mema'afkan kalangan² penyokong² Kerajaan yang terdiri daripada kalangan M.C.A., M.I.C. mema'afkan mereka daripada ketelanjoran mereka tidak dapat menguasai bahasa kebangsaan ini walau pun telah di-berikan tempoh sa-lama 10 tahun—10 tahun, arti-nya lebeh daripada 3,500 hari untuk dia meneliti dan mempelajari bahasa kebangsaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 6 ada pula satu perkara lagi saya bacha-lah Fasal 6 kata:

"Naskhah² -

(a) bagi segala Rang Undang² yang hendak di-kemukakan atau pindaan²-nya yang hendak di-chadangkan

dalam mana² satu daripada dua Majlis Parlimen atau dalam Dewan Negeri bagi mana² negeri;

- (b) bagi segala Act Parlimen dan segala perundangan kecil yang di-keluarkan oleh Kerajaan Persekutu n;
- (c) bagi segala Enactment dan perundangan kecil yang di-keluarkan oleh mana² Kerajaan Negeri; dan
- (d) bagi segala Ordinance yang di-ishtiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong hendak-lah dalam Bahasa Kebangsaan dan dalam Bahasa Inggeris."

Dan dalam bahasa yang dahulu tersebut itu hendak-lah sahah mengikut perubahan baharu ini—ada pindaan sampai! bukan-lah hendak di-kuat kuasakan bukan hendak-lah berkuat-kuasa tetapi hendak-lah sahah. "Melainkan jika Yang di-Pertuan Agong menetapkan sa-lain daripada 'am-nya, atau berkenaan dengan mana² undang² atau jenis² yang tertentu". Ma'ana-nya kalau Yang di-Pertuan Agong pakai-lah naskhah Inggeris itu, maka naskhah Inggeris-lah yang sahah atau yang berjalan kuat kuasa-nya. Ini perbedzaan dengan yang berjalan sekarang ini terlalu sedikit yang sekarang ini Bill² atau pun Rang Undang² di-kemukakan dalam bahasa Inggeris dan chuba² di-keluarkan dalam bahasa kebangsaan sedikit. Rang Undang² itu sudah chuba menggunakan bahasa kebangsaan. Chuma-nya dengan sa-chara langsung naskhah yang di-aku² sahah ini naskhah Inggeris. Bila Rang Undang² ini di-jalankan pelaksanaan-nya, naskhah-nya Melayu atau Inggeris. Masaalah yang di-bangkitkan bukan tidak ada perubahan dalam segi ini—ada perubahan-nya. Chuma perubahan ini tidak menggambarkan dalam arti kata yang sa-benar-nya bahawa bahasa kebangsaan telah menjadi bahasa rasmi yang tunggal. Kalau terpaksa hendak di-rojokkan kepada naskhah Inggeris, pada beberapa masaalah yang tertentu tidak berbangkit, tidak sampai di-maktubkan dalam Rang Undang² ini. Jadi, kalimah bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal itu satu kalimah yang tidak mempunyai nilai-lah dengan ada-nya Rang Undang² ini. Sebab nilai yang tunggal lain dengan

ma'ana nilai yang tidak tunggal. Ma'ana tidak tunggal itu banyak. Ma'ana yang tunggal itu sa, satu—Kalau tidak faham-lah, di-terangkan sedikit—Jadi, mengatakan bahawa dengan Rang Undang² ini bahasa kebangsaan telah menjadi bahasa rasmi yang tunggal ada-lah satu pengeliruan yang sangat tidak patut.

Tuan Yang di-Pertua, kita pandangan dengan kedudukan dengan Fasal 5, Fasal 6 sahaja, mithal-nya peluang yang di-beri dalam fasal ini di-buka begitu rupa sa-hingga dapat-lah kita menduga bahawa tenaga bahasa kebangsaan akan bertambah lemah dan bahasa Inggeris akan tetap-lah menduduki takhta-nya seperti biasa, atau mungkin akan dapat menambah dan meninggikan lagi. Takhta bahasa kebangsaan akan bertambah lemah walau pun Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menyatakan baru² ini bahawa dengan Rang Undang² ini akan dapat memberi nilai kepada bahasa kebangsaan. Nilai apa? Keadaan tidak berubah, Sekolah Kebangsaan macham sekarang. Sekolah Inggeris hidup subur, apa nilai-nya? Tolong-lah siasat sa-buah dua buah sekolah kebangsaan di-Ibu Kota ini, wahai Yang Berhormat Menteri Pelajaran, apa nasib-nya dan perbedzaan-nya dua tahun yang lalu, dan apa akan jadi-nya kepada murid² Sekolah Kebangsaan? Kalau²-lah semua Yang Berhormat Menteri² ini perchaya dan yakin kepada pelaksanaan bahasa kebangsaan sejak daripada mula meletakan tapak perjuangan-nya pada tahun 1957, perchaya kepada bahasa kebangsaan ini, perchaya kepada perjuangan, perchaya bahawa 10 tahun akan berubah menjadi bahasa rasmi yang tunggal, saya minta tolong-lah berapa peratus ada di-antara anak² Menteri Yang Berhormat ini, yang anak-nya di-hantar ka-Sekolah Kebangsaan? Sebab tidak ada nilai. Kita pun mengaku tidak ada nilai. Tetapi Menteri Yang Berhormat pernah mengatakan akan memberi nilai. Saya tidak nampak nilai-nya. Apa yang kita nampak takhta bahasa Inggeris di-negara kita ini akan lebih kuat dan tunjang-nya akan lebih kemas. Dengan ini . . .

Mr Deputy Speaker: Masa sudah chukup. Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

EXEMPTED BUSINESS

(Motion)

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meniadakan ia-itu.

Perjalanan meshuarat mengenai Rang Undang² Bahasa Kebangsaan hendak-lah di-kechualikan daripada Sharat Peratoran 12 (1) sa-hingga pukul 7.30 malam ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan usul ini ia-lah supaya memberi peluang kepada Ahli² hendak berchakap dalam Rang Undang² yang mustahak ini. Kerajaan berharap perbahathan di-atas Rang Undang² ini dapat di-tamatkan pada hari esok. Jadi, dengan sebab itu pada fikiran saya elok-lah di-lanjutkan sedikit masa perbahathan hari ini sa-hingga 7.30 malam ini.

The Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Question put, and agreed to.

Resolved,

Perjalanan meshuarat mengenai Rang Undang² Bahasa Kebangsaan hendak-lah di-kechualikan daripada Sharat Peratoran 12 (1) sa-hingga pukul 7.30 malam ini.

THE NATIONAL LANGUAGE BILL

Second Reading

Debate resumed.

Dato' Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, pada pagi tadi saya telah menyentuhkan tiga fasal yang terkandung di-dalam Rang Undang² ini ia-itu Fasal 4, Fasal 5 dan Fasal 6 yang mengikut pandangan saya, memberi atau membuka peluang yang sa-bagitu rupa sa-hingga, kata saya tadi, dapat-lah kita menduga bahawa tenaga bahasa kebangsaan akan bertambah lemah dan bahasa Inggeris

akan tetap menduduki takhta-nya saperti biasa. Siapa-kah yang dapat menolak bahawa Rang Undang² ini sengaja menperteguhkan kedudukan bahasa Inggeris? Atau dengan lain² perkataan bahawa Rang Undang² yang di-kemukakan di-hadapan kita sekarang ini ia-lah satu Rang Undang² yang sa-chara tidak langsung chuba meletakkan kedudukan bahasa Inggeris di-dalam negeri kita ini dalam satu keadaan yang tegoh dan bertambah kuat malah lebih kuat daripada masa² yang telah lalu.

Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan yang pertama yang wujud-nya daripada Rang Undang² ini, ia-itu penyelewengan terhadap Perlembagaan Fasal 152, dari segi jurusan kedudukan bahasa Inggeris. Sa-benarnya, Tuan Yang di-Pertua, ini-lah politik Divide and Rule—di-pechah² kemudian perintah—yang di-tinggalkan sa-bagai pesaka penjajahan kepada negara ini yang sekarang ini sedang di-teruskan pula oleh Kerajaan Pusat. Politik menonjolkan bahasa Inggeris ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah politik menyedapkan selera saki-baki anak² penjajahan yang ketageh, sa-hingga dengan sadar atau tidak sadar, telah merupakan satu perimbangan yang berat terhadap kedudukan bahasa kebangsaan itu sendiri. Dan tempoh 10 tahun yang di-berikan oleh Perlembagaan bahawa sa-sudah 10 tahun merdeka, kedudukan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa rasmi di-samping bahasa kebangsaan itu akan di-kaji sa-mula. Tempoh itu bukan-lah tempoh bagi mempersiapkan diri tentang bahasa kebangsaan dalam menuju kepada kematangan, tetapi mengikut pandangan saya, ia-lah satu tempoh untuk mempersiapkan perimbangan yang tersebut sa-hingga bahasa Inggeris akan menjadi penimbang di-antara perkembangan bahasa kebangsaan dan tuntutan bahasa² lain dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang kedua, penyelewengan yang wujud daripada Rang Undang² ini dengan tujuan memberi tempat kepada bahasa² kaum lain di-negeri ini di-dalam pentadbiran negeri ini. Ini tersimpul di-dalam Fasal 3 di-dalam Rang Undang² ini. Saya

bacha, Tuan Yang di-Pertua. Fasal 3 mengatakan "Tiada-lah apa² juga dalam Act ini boleh menyentuh hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana² Kerajaan Negeri menggunakan apa² terjemahan bagi persuratan² atau perutusan² rasmi dalam bahasa mana² kaum lain dalam Persekutuan untuk apa² maksud yang di-fikirkan perlu demi kepentingan awam".

Fasal 5 ini, Tuan Yang di-Pertua, memberikan satu kuasa kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan² Negeri menggunakan apa² terjemahan bagi surat-menyurat rasmi dalam pelbagai bahasa dari semua kaum² yang berada dalam negeri ini. Apa arti-nya ini, Tuan Yang di-Pertua? Apa arti-nya ini? Erti-nya: Ini-lah hasil dari perjuangan kontra bahasa kebangsaan dalam perjuangan mereka hendak mendaulkan bahasa² mereka sendiri di-samping bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris. Arti-nya bahasa² lain sa-chara tidak langsung sudah di-rasmikan. Bahasa² lain sa-chara tidak langsung sudah di-rasmikan dan akan tiba sa'at dan ketika-nya bahasa² itu akan menjadi bahasa rasmi yang sa-benar²-nya di-samping bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi.

Kerajaan telah menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Fasal ini tidak ada apa² chuma menzahirkan kenyataan amalan yang berjalan sekarang sahaja. Di-dalam huraian pada Rang Undang² ini Fasal 3 kata-nya—"Adalah pada 'am-nya di-maksud untuk membolehkan penggunaan yang lebih luas sa-bagaimana sekarang bagi bahasa² kaum lain dalam Persekutuan sa-takat mana yang di-kehendaki dan sa-chara yang di-nyatakan itu"—demikian-lah sa-terus-nya. Erti-nya maksud Fasal 3 ini ia-lah untuk membolehkan apa yang berlaku dan di-amalkan sekarang ini di-gunakan lebih luas atau sa-kurang²-nya seperti yang ada sekarang ini sa-chara yang di-kehendaki, dengan tidak di-sebutkan yang di-kehendaki itu sa-chara bagaimana.

Tuan Yang di-Pertua, malah telah juga di-tegaskan oleh kalangan Kerajaan sendiri kata-nya, Fasal 3 ini tidak-

lah akan di-amalkan sa-chara terus-menerus melainkan jika ada mustahaknya atau jika mustahak—if necessary. Tuan Yang di-Pertua apa mustahaknya, Tuan Yang di-Pertua, dengan perkataan "jika mustahak itu atau jika perlu" sa-lain daripada mengandongi maksud² yang tersembunyi di-dalamnya? Tunku Perdana Menteri pagi tadi, dalam mengeluarkan hujjah bahawa Fasal 3 ini tidak ada apa², dia chuma membolehkan terjemahan itu di-lakukan demi kepentingan umum. Yang Amat Berhormat Tunku Perdana Menteri telah menyatakan bahasa sa-bagai mithal-nya, kalau kita hendak menaborkan pamphlet² menyerah diri, kemudian orang² itu hendak menyerah diri akan berlaku-lah sesuatu terajidi yang hebat kalau sa-kira-nya bahasa kebangsaan sahaja menjadi bahasa rasmi yang tunggal, kata Yang Teramat Mulia Tunku. Sebab kalau surat penyerahan diri di-kemukakan dengan bahasa sa-lain dari bahasa kebangsaan, maka tidak terpakai. Dan ada beberapa mithalan lagi yang di-berikan oleh Tunku Perdana Menteri baharu sa-bentar tadi. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, terlalu tipis sangat hujjah ini. Kalau hanya itu sahaja-lah hujjah dan mungkin itu sahaja dan kalau itu sahaja-lah hujjah-nya kepada saya, apa perlu-nya Fasal 3 ini dan jika terlalu perlu sangat kerana hujjah² yang tersebut, kenapa tidak di-terangkan dengan sa-chara khusus di-dalam Rang Undang² ini, khusus mengenai hujjah² yang di-kemukakan tadi dengan tidak di-umumkan sa-demikian rupa.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ini hanya-lah helah, bak kata orang² tua kita, "lulus jarum lulus-lah kelindan". Kalau Fasal 3 ini tidak ada apa², saya ingin bertanya kalau tidak ada apa², apa-kah guna-nya di-apa²-kan, apa-kah guna berpayah² membuboh Fasal 3 ini atau ada-kah ini hasil dari desakan pehak M.C.A. sendiri yang bertalu² itu di-mana Perdana Menteri sendiri terpaksa dan terlanjur membuat janji² atau ada-kah ini tafsiran daripada ucapan Tunku Perdana Menteri bahawa beliau tidak pernah mengechewakan sa-siapa?

Tuan Yang di-Pertua, Tunku Perdana Menteri telah menyatakan bahawa beliau tidak mahu dan tidak pernah mengechewakan sa-siapa, tidak mahu mengechewakan sa-siapa—ini-lah di-nya hakikat bertolak ansor. Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Tunku Perdana Menteri ini tidak pernah mengechewakan sa-siapa. Beliau telah banyak mengechewakan hati orang Melayu, bumiputra negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, ternasok-lah orang² Melayu dalam UMNO itu sendiri. Apa boleh buat, Tuan Yang di-Pertua, hati marah simpan di-dalam sahaja, kepentingan kedudukan diri perlu di-utamakan.

Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, Tunku Perdana Menteri kita ini sangat banyak mengechewakan hati bangsa keturunan-nya sendiri di-dalam perjuangan politik negeri ini, sejak daripada membelah-bagikan hak ketuanan negeri ini kepada orang lain—*Jus Soli* dan kera'ayatan, membuka pintu M.C.S. dan lain² lagi sampai-lah sekarang ini waktu hendak menjalankan Fasal 152 dari Perlembagaan itu pun ya'ani bagi mendaulatkan bahasa kebangsaan, Perdana Menteri telah melakukan hati bangsa-nya sendiri, telah mengechewakan hati bangsa Melayu sendiri, hanya yang tidak pernah di-hampakan dan di-kechewakan oleh Tunku, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah hati orang² yang bukan Melayu dalam negeri ini, apa yang di-tuntut oleh mereka, hampir semua-nya berhasil belaka. Tunku Perdana Menteri tidak akan mengechewakan hati mereka. Sa-patut-nya Tunku mesti-lah berkata, "Saya tidak pernah mengechewakan hati orang² yang bukan Melayu dalam negeri ini." Ini baharu-lah betul, Tuan Yang di-Pertua, baharu-lah tepat, baharu-lah menepati dengan apa yang sa-benar-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan dalam Fasal 3 ini amat nyata-lah sa-kali, di-champorkan dengan penyelewengan² dalam Fasal 4, Fasal 5 dan Fasal 6. Maka penyelewengan ini tidak dapat di-na'afkan sama sa-kali atau lebih baik sa-chara terus-terang kita katakan suatu pengkhianat yang paling lichin sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi Yang Teramat Mulia Tunku telah mengatakan bahawa orang² yang menentang Rang Undang² ini ada-lah pengkhianat kepada negeri ini. Ini satu tuduhan yang berat tetapi soal-nya saya telah mengatakan pagi tadi bahawa cherita penchuri meneriakan penchuri itu sering berlaku di-arina politik di-dalam negeri kita ini. Penchuri yang menchuri rumah orang di-kejut oleh tuan rumah dia sendiri melaongkan penchuri bahawa penchuri telah masuk ka-rumah itu sedangkan yang di-laongkan penchuri itu ia-lah dia sendiri sa-bagai penchuri!

Tuan Yang di-Pertua, siapa yang sa-benar-nya pengkhianat, orang yang menentang Rang Undang² ini dengan alasan bahawa Rang Undang² ini tidak menyampaikan kepada maksud mendaulatkan bahasa kebangsaan itu-kah yang di-sifatkan pengkhianat? Atau orang yang menyediakan Rang Undang² ini kemudian menyokong-nya sedangkan dia tahu Rang Undang² ini tidak menyampaikan kepada maksud mendaulatkan bahasa kebangsaan malah menjadikan bahasa² lain chukup sama berdaulat dalam negeri—itu-kah pula pengkhianat?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita serahkan kepada sejarah yang menentukan. Hukuman atau gelaran pengkhianat yang lahir daripada mulut Tunku itu bagi pehak kami tidak dapat menerima sama sa-kali. Sebab apa yang kami tentang dengan Rang Undang² ini ia-lah tentangan yang berdasarkan kepada kesedaran atas nasib bahasa kebangsaan yang bersangkutan terus dengan bumiputera negeri ini sendiri sa-bagai tuan punya dalam negeri ini, tetapi hidup-nya merana yang tinggal hanya satu² sahaja "bahasa kebangsaan" dan yang satu ini pun akan di-korbankan oleh Rang Undang² ini sendiri.

Berkata lagi Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri bahawa akan ada orang yang menemui ra'ayat dan chuha mengelirukan ra'ayat dengan Bill ini. Saya tidak fikir dari gulongan kami ini akan mengelirukan ra'ayat dengan Bill ini dan menggunakan Bill ini sa-bagai senjata politik sebab kami

memandang bahawa soal Bill ini bukan soal politik parti, soal Bill ini ia-lah soal yang mengenai seluruh bumiputera bangsa Melayu bagi negeri ini. Kita tidak bersedia hendak mengelirukan ra'ayat tetapi kita bersedia menyedarkan ra'ayat yang sa-lama ini di-tutup mata oleh gulongan² yang tertentu yang chuba menggelapkan fikiran ra'ayat dari hakikat yang sa-benar-nya. Kita chuba akan menerangkan kepada ra'ayat apa yang di-namakan "Rang Undang² Bahasa Kebangsaan" ini yang sa-benar-nya sampai ka-mana kedudukan-nya, apa keuntongan-nya, apa kepentingan-nya, apa bahaya-nya dan apa pula mudzarat-nya, kita akan membuat demikian dan ini bukan-lah usaha mengelirukan *kekeliruan yang menyelubongi hidup-nya semenjak ia menjadi pak turut kepada ra'ayat* tetapi usaha membebaskan ra'ayat daripada alam *Parti Perikatan sa-lama ini*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa satu peristiwa lagi tentang chara² bagaimana pehak pemimpin² Kerajaan yang ada pada hari ini chuba hendak menutup pandangan mata ra'ayat terhadap soal Bill ini ia-itu-lah peristiwa yang berlaku di-Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka sa-malam, di-mana Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan telah mengadakan satu ranchangan untuk mengadakan forum di-Balai Budaya tersebut bagi membahaskan Rang Undang² Bahasa Kebangsaan yang sedang kita bahatkan sekarang ini. Kebenaran telah di-dapati daripada pehak Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dengan sa-chara sewa saperti mana juga kebenaran yang telah di-berikan kepada mana² pehak sahaja yang bersedia menyewa Balai Budaya itu sendiri. Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua? Bila mana sa'at forum hendak di-lakukan, hendak di-jalankan, sampai-lah surat arahan atau yang di-namakan surat perintah atau apa yang saya tidak tahu, tetapi saya gelarkan surat arahan, kepada Tuan Syed Nasir sa-bagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka ia-itu satu arahan supaya jangan membenarkan forum yang saperti ini di-jalankan. Jesteru oleh kerana soal Rang Undang² Bahasa Kebangsaan ini maseh belum di-bahatkan lagi dan maseh belum di-

putusan lagi oleh Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara.

Soal-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara, yang pertama apa-kah Rang Undang² ini merupakan *sub judice* dalam Mahkamah sa-hingga seluruh masyarakat bangsa tidak dapat membincangkan dengan sa-chara bebas, apa-kah tidak pernah menjadi amalan demokrasi bahawa sa-barang Rang Undang² yang penting, yang menyentoh soal kedudukan ra'ayat, yang menyentoh soal kepentingan ra'ayat, yang menyentoh soal perjuangan ra'ayat itu sendiri perlu di-ketahui oleh ra'ayat dengan sa-chukup masak-nya, perlu di-bincangkan oleh ra'ayat walau pun kita punya Wakil² Ra'ayat yang di-pilih oleh ra'ayat, di-sini tempat perbincangan yang rasmi-nya, tetapi wajar bagi sa-buah negara yang demokrasi memberikan kebebasan kepada saganap kelompok² ra'ayat memperbincangkan apa sahaja yang di-pandang oleh mereka itu menyentoh kedudukan mereka sa-bagai satu bangsa atau sa-bagai satu gulongan. Tetapi sangat malang-nya arahan ini di-keluarkan kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dengan hanya merupakan satu alasan bahawa Rang Undang² itu akan di-bahatkan oleh Parlimen tidak patut di-bahatkan oleh mana² pehak atau gulongan sa-olah²-nya merupakan Rang Undang² ini satu perkara yang *sub judice*.

Yang kedua-nya, Tuan Yang di-Pertua, arahan di-keluarkan itu bukan datang daripada Menteri, bukan datang daripada Menteri yang berkenaan. Kalau datang daripada Menteri Pelajaran—wajar, sebab Menteri Pelajaran menjadi ketua kepada jabatan yang berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka atau pun datang daripada Timbalan Perdana Menteri atau Tunku Perdana Menteri sendiri tetapi arahan itu dari satu Surohanjaya bebas—Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam Persekutuan Malaysia. Surohanjaya bebas yang tidak perlu; kita tidak boleh bahatkan pula masalah kedudukannya, tetapi yang saya hendak bahatkan ini ia-lah surat ini datang-nya daripada Surohanjaya itu, oleh Pengerusi Surohanjaya itu, apa ada kaitannya jawatan Tuan Syed Nasir dengan

Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam. Apa ada kaitan-nya? Jika tidak surat itu sa-mata² hendak menggambarkan satu ancaman halus, ancaman batin yang akan menggentarkan sa-genap perasaan, sanubari orang yang bersangkutan dengan surat yang diarahkan itu sendiri.

Ini gambaran demokrasi dari dekat, gambaran demokrasi Malaysia dari dekat bagaimana segala sa-suatu itu berlaku. Perkara² yang tidak pernah terfikir bahawa dalam sa-buah negara demokrasi mungkin peristiwa saperti itu berlaku, dan akhir-nya para peserta forum dengan orang² hadir yang ramai hampir beribu orang itu terpaksa mengalah kerana memberi penghormatan kepada Tuan Syed Nasir sendiri takut kedudukan-nya terancam kalau ia membenarkan terus; dan terpaksa-lah forum itu di-batalkan di-tempat itu. Ini satu cerita—cherita ganjil. Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dapat memberi penjelasan khusus dalam perkara ini sa-lain daripada penjelasan² yang lain yang jika beliau memandang perlu bahawa ucapan saya ini di-jawab dengan sa-baik²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kita masuk lagi kepada soal bahasa kebangsaan. Soal bahasa kebangsaan ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah hanya sakadar merupakan persoalan bahasa sahaja yang di-anggap kecil oleh Kerajaan, malah bidang persoalan-nya ada-lah begitu besar dan luas. Soal bahasa kebangsaan ada hubungan rapat dengan persoalan pelajaran anak² Melayu, ada hubungan-nya dengan perkembangan sekolah² yang berbahasa pengantar-nya bahasa kebangsaan di-mana dengan kedudukan bahasa Inggeris yang bertambah tegoh dalam pentadbiran dan perundangan akan berkejar² ibu bapa menghantar anak²-nya ka-sekolah Inggeris termasuk-lah anak² Menteri² sendiri dan nasib sekolah kebangsaan akan dapat di-perhetongkan dari sekarang apa akan menimpa kepada mereka itu. Nasib sekolah kebangsaan, nasib murid²-nya bahkan nasib guru²-nya sabahagian besar daripada guru² sekolah kebangsaan yang sa-lama ini men-

dokong Kerajaan yang memerintah sekarang ini akan tiba sa'at-nya mereka itu akan mengetahui dengan sendiri mereka akan menerima satu jawapan yang jelas, jawapan yang akan memukol di-atas kepala mereka itu sendiri manakala hal yang saperti demikian ini berlaku. Anak² tidak akan lagi masuk sekolah kebangsaan sedikit demi sedikit mengikut kemampuan yang ada kepada ibu bapa-nya kemudian daripada itu apa yang akan jadi kelas² bahasa kebangsaan akan menurut sedikit demi sedikit. Bila kelas merusut maka guru² pun akan-lah terbuang atau pun akan jadi. Boleh jadi pehak Menteri akan memberikan penjelasan bahawa melalui sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa pengantar bahasa kebangsaan ini sekarang telah ada saluran yang terus menerus sampai kepada sekolah menengah atas sampai-lah kepada University tetapi berapa kerat daripada ratusan ribu anak² Melayu di-luar bandar itu akan dapat mencapai nikmat melalui sekolah² menengah hingga sampai ka-University saperti itu? Saluran² yang ada terlalu sedikit tidak sepadan dengan banjir yang turun daripada bukit.

Lebih jauh, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah kita meramalkan apa-kah nasib yang akan menimpa ratusan ribu anak² Melayu yang sekarang diam di-luar bandar yang hanya mendapat kesempatan bersekolah di-sekolah kebangsaan di-mana-kah harapan mereka untuk meninggikan mutu—meninggikan pelajaran mereka keperingkat tinggi atau University dengan bahasa kebangsaan yang sudah tidak bernilai lagi—sa-dalam itu merosot-nya kedudukan bahasa kebangsaan dengan Rang Undang² ini. Tuan Yang di-Pertua, maseh lagi pehak Menteri² chuba hendak menipu ra'ayat dengan melong²kan konon-nya nilai bahasa kebangsaan ini akan di-pertinggikan, nilai ekonomi. Apa—lagi. Tuan Yang di-Pertua akan dapat di-janjikan daripada bahasa kebangsaan yang telah di-khianati itu siapa lagi orang² yang terlior hendak belajar sa-sudah penggunaan-nya tidak di-perlukan lagi nanti? Mana lagi lapangan hidup untuk mereka dengan pendidekan bahasa

kebangsaan sa-telah sa-genap segi bahasa Inggeris pegang peranan sa-genap sudut bahasa Inggeris akan memegang peranan, nasib apa yang akan menimpa bangsa Melayu, bumi-putera negeri ini? Serahkan sahaja kepada Tuhan nanti barangkali.

Kesimpulan-nya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² Bahasa Kebangsaan yang di-kemukakan sekarang ini ia-lah merupakan bendera puteh alamat menyerah kalah kepada tuntutan pendewaan bahasa Inggeris dan desakan yang tidak berperlembagaan dan tidak nasional daripada puak² dan gulongan² yang sa-lama ini telah dibagi betis, telah di-bagi paha dan dibagi hati sekarang mahu memijak² kepala bagi kedaulatan negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, *Parti kami PAS—Persatuan Islam sa-Tanah Melayu—tidak dapat menerima Rang Undang² ini. Parti PAS tidak dapat menerima Rang Undang² ini. Ini bukanlah kerana parti kami menentang bahasa kebangsaan. Semua orang tahu pendirian kami, semua orang mengenal pendirian parti kami dalam perkara ini, kami tidak akan berganjak walau apa yang akan terjadi. Kami akan bersama² dengan seluroh ra'ayat yang chinta kepada bahasa kebangsaan.* Sebab sungguh pun parti kami tegas dalam perkara ini tetapi ketegasan itu ia-lah ketegasan seluroh pejuang² dan penchinta² bahasa kebangsaan, penchinta kebangsaan itu sendiri, penchinta negara itu sendiri yang terdiri daripada berbagai aliran yang hidup merata² tempat dalam tanah ayer kita ini. Kami terpaksa menentang Rang Undang² ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah seperti yang saya telah huraikan terdahulu daripada ini bahawa Rang Undang² ini tidak menggambarkan implementasi dari Fasal 152 dalam Perlembagaan itu sendiri bukan sahaja tidak menggambarkan bahkan berlawanan sama sa-kali dengan kehendak dan semangat Perlembagaan itu sendiri dan jika kita menukek lebeh mendalam, kita berani-lah mengatakan bahawa Act ini mundor terator jauh ka-belakang dari jarum 31 Ogos, 1957.

Apa yang kami mahu, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini di-tarek

kembali oleh pehak Kerajaan dan kemudian daripada itu kemukakan satu Rang Undang² yang baharu yang benar² dapat menggambarkan chita² national dari ra'ayat negeri ini; yang benar² dapat menggambarkan *bahawa bahasa kebangsaan itu di-daulatkan sa-bagai bahasa rasmi, sa-bagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal*—bahasa rasmi yang tunggal yang asa dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa suara hati yang saya kemukakan di-Dewan ini pada hari ini itu-lah juga suara hati yang lahir dari nurani tiap² sa-orang anggota Dewan yang berjiwa dan bersemangat chintakan bahasa kebangsaan, chinta sa-jati, chinta berseh, bukan chinta chelopan, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang mengikat dan kepentingan yang mengelilingi mereka itu-lah sahaja yang saya rasa mungkin menyebabkan mereka tidak berani membuat tentangan; hati membangkang sa-radang² nya, mulut membongkin sa-ribu bahasa, hanya tangan terangkat ka-atas menyatakan setuju pada lahir-nya, tetapi menyerah kalah pada hakikat-nya (*Tepok*).

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya berani mengatakan di-sini bahawa tentu-lah bangkangan yang saya kemukakan ini akan di-tindas atau akan di-kalahkan dengan jumlah kepala² penyokong Kerajaan dalam Dewan ini, nanti, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, *biar-lah sejarah menchatikan bahawa kelulusan Rang Undang² ini ada-lah tambahan dari dosa² jenayah politik UMNO yang telah begitu banyak untok di-adili oleh Mahkamah sejarah keturunan bangsa Melayu yang akan datang kelak.* (*Tepok*).

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-atas pendirian yang tegap dan tegas dengan hati yang berseh yang tidak di-ikat oleh siapa². Dengan di-saksikan di-hadapan Tuhan yang maha asa bahawa sa-nya saya menyokong Rang Undang² ini. (*Tepok*).

Rang Undang² ini, pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah

satu Rang Undang² yang realistic yang berpijak di bumi, bukan satu Rang Undang² yang idealistic yang terapong di-awang². Kita hidup di-bumi Malaysia dan kita berhadapan dengan kenyataan² dan hakikat² di-bumi Malaysia sendiri. Rang Undang² ini ada-lah memenohi hasrat kebangsaan bagi merasmikan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal bagi negara kita ini mulai 1 September, 1967. Jikalau ada gulongan yang mengaku diri-nya gulongan kebangsaan, gulongan yang chintakan bahasa kebangsaan, tetapi bangun dengan gagah dalam Dewan ini mengatakan kami menentang Rang Undang² yang hendak merasmikan bahasa kebangsaan ini, bagaimana mereka boleh mengatakan mereka itu gulongan kebangsaan yang chintakan bahasa kebangsaan. Dasar-nya, dasar-nya Rang Undang² ini, ia-lah hendak merasmikan bahasa kebangsaan.

Kita berselisih tentang butir², tentang detail, boleh kita berselisih, dan memang kita berselisih, tetapi dasar dan pokok yang besar daripada Rang Undang² ini ia-lah hendak menchiptakan di-atas kenyataan Fasal 152 Perlembagaan Malaysia. Maka sapa-siapa sahaja, walau pun dia daripada Parti PAS, atau pun luar daripada Parti PAS, yang menentang Rang Undang² ini pada dasar dan pada pokok-nya, saya mengatakan ia-lah gulongan yang hendak meruntuhkan bahasa kebangsaan.

Rang Undang² ini meletakkan tapak, meletakkan takhta bagi bahasa kebangsaan dan pada sama sa-masa itu juga Rang Undang² ini menjamin keutuhan dan perpaduan masyarakat negara kita. Saya rasa dengan Rang Undang² ini yang akan meletakkan bahasa kebangsaan di-atas takhta-nya, di-atas singgahsana-nya, di-atas tapak-nya ada-lah satu Rang Undang² yang patut di-sokong oleh sa-genap gulongan ra'ayat negara kita ini dengan tidak memandang bulu dan warna, atau pun chorak politik. Saya hairan bahawa Ahli daripada Pasir Puteh bukan sahaja menganjorkan untuk di-tolak Rang Undang² ini dan di-tarek balek Rang Undang² ini, tetapi pada sa-belah

pagi tadi beliau ada menchadangkan daripada mengemukakan Rang Undang² ini lebeh baik di-lanjutkan 10 tahun lagi bahasa kebangsaan tidak di-rasmikan menjadi bahasa rasmi. Ini-lah (*Di-sampok*).

Mr (Deputy) Speaker: Jangan di-kachau masa dia berchakap.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saudara² Ahli² Yang Berhormat yang tidak mendengar ucapan Ahli daripada Pasir Puteh, chuba tolong diam.

Jikalau ini-lah sikap yang di-ambil oleh Ahli dari Pasir Puteh, saya mengatakan ini satu tragedy. Beliau mengatakan tragedy-nya ia-lah tentang Bill ini, tentang Rang Undang² ini, tetapi saya mengatakan sa-balek-nya, tragedy-nya hari ini yang berlaku kepada bahasa kebangsaan ia-lah sikap yang di-tunjokkan oleh Ahli Pasir Puteh dan kunchu² Ahli Pasir Puteh itu, kerana jika Rang Undang² yang untuk melaksanakan Fasal 152 Perlembagaan di-tolak pada pokok, pada dasar, pada akar, pada umbi-nya, pada benih-nya, saya tidak tahu bagaimana dia mengatakan bahawa dia ada-lah penchinta dan pendokong bahasa kebangsaan.

Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, gerakan pengeliruan yang sekarang di-janjikan oleh Ahli dari Pasir Puteh hendak di-jalankan-nya di-seluruh negara, tetapi saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat ada-lah chelek, ra'ayat tahu membezakan mana hitam dan mana puteh; mana kacha dan mana permata, telah lama-lah juga ra'ayat negara kita ini tahu mengechap garam, garam politik dan pergolakan politik. Biar-lah Ahli daripada Pasir Puteh dan rakan²-nya hendak menjalankan gerakan mengelirukan ra'ayat, tetapi ra'ayat tidak akan dapat di-aboi mata-nya sama sa-kali tentang Rang Undang² ini.

Saya berharap dalam masa² yang akan datang, di-mana negara kita, di-mana bangsa kita, akan terus berjalan menghadapi chabaran masa dan sejarah, trajidi saperti yang berlaku hari ini akan tidak berulang lagi dari kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara dalam Rang Undang² ini yang saya katakan satu Rang Undang² yang memenohi hasrat ra'ayat, hasrat kebangsaan kita, ia-lah kerana dengan Rang Undang² ini bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi mulaī daripada 1hb September, tahun 1967. Dan saya suka membachakan sokongan² yang telah di-berikan kepada Rang Undang² ini oleh tokoh² bahasa sendiri yang menjadi pengarang² surat-khabar² berbahasa kebangsaan kita. Dan saya perchaya Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh, rakan²nya dan kunchu²-nya, kenal siapa dia tokoh² bahasa yang menulis ulasan² mereka di-atas Rang Undang² ini.

Pada 25hb Februari, pengarang *Berita Harian* menulis demikian:

"Rang Undang² ini sementara menepati cita² menjadikan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal, memenohi juga keinginan kita untuk memelihara keutuhan negara kita. Keinginan kita ia-lah bahawa peralihan masa mendaulatkan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal akan terlaksana dengan baik dan wajar. Dan ini hanya termungkin dengan memelihara keperluan dan kepentingan tiap² golongan. Dalam menchapai maksud itu, keutuhan ra'ayat harus di-pertahankan. Kedua² maksud itu telah terchapai. Pembatasan bahasa Inggeris akan mengambil peroses yang lama bergantung kepada initiative dan kerajinan kita mengisi bahasa kebangsaan di-masa hadapan. Bahasa Kebangsaan mesti di-lengkapkan sa-penoh-nya supaya peralihan itu nanti dapat berjalan dengan lancar dan teratur."

Ini ada-lah pendapat daripada pengarang *Berita Harian*—ulasan yang pertama di-beri kepada Rang Undang² ini oleh pengarang-nya yang merupakan sa-orang tokoh yang besar daripada bahasa kebangsaan kita.

Pada 1hb Mach, *Utusan Melayu* pula telah memberikan ulasan-nya. Saya bachakan sa-bahagian daripada ulasan *Utusan Melayu* itu:

"Ini-lah sa-baik² keputusan dan kesimpulan sa-telah menimbangkan dari berbagai segi sambil meletakkan kepentingan negara di-atas segala²-nya. Kita tahu orang² Melayu tidak merasa puas hati penoh dengan Rang Undang² ini, dan kita juga tahu orang² yang bukan Melayu tidak puas hati dengan Rang Undang² ini. Tetapi, tidak ada jalan keluar yang lain yang boleh di-chapai sa-lain daripada yang telah di-chapai merupakan Rang Undang² ini. Memang benar, kalau di-umpamakan gading maka tidak ada gading

yang ta' retak. Tetapi mengenai masalah Rang Undang² Bahasa ini, seperti yang kita katakan, ada-lah sa-baik² yang dapat di-chapai, di-pandang dari berbagai² segi."

Demikian ulasan *Utusan Melayu*—sa-bahagian daripada-nya. Jikalau Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh mengatakan Rang Undang² ini satu pengkhianatan kepada bangsa Melayu dan kepada bahasa Melayu, ada-kah Ahli itu bererti bahawa kedua² surat-khabar ini pun pengkhianatan kepada bahasa Melayu dan perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu? Pertimbangan yang di-berikan oleh kedua² akhbar tadi, pertimbangan yang di-buat lepas daripada sentimen politik, daripada pergolakan politik, daripada perlumbaan politik yang ada di-antara ahli² politik, pertimbangan yang di-beri sa-bagai orang yang ada dalam masyarakat yang memberi panduan kepada masyarakat yang harus menimbulkkan apa-kah panduan yang patut di-beri dalam perkara² besar yang menghadapi masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu fasal dalam Rang Undang² ini yang menjadi pusat perhatian dan yang menimbulkan tuduhan² yang berbagai² kepada Rang Undang² ini, ia-itu-lah fasal yang ketiga,—yang membolehkan terjemahan di-lakukan ka-dalam bahasa² lain bagi surat²an atau urusan² rasmi Kerajaan. Ini-lah yang menimbulkan kekeliruan, yang menimbulkan ulasan yang bukan² daripada berbagai² pehak. Umpamanya, menurut siaran *Utusan Melayu*, kalangan² tersebut telah mensifatkan penggunaan bahasa² lain sa-chara liberal dalam urusan rasmi negara itu sa-bagai satu penyelewengan, sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi juga. Saya rasa, dalam menimbangkan fasal yang ketiga ini, harus di-pandangkan kepada penjelasan daripada maksud di-adakan fasal ini. Dan di-sini-lah yang akan memutuskan apa-kah sa-benar-nya motive di-adakan fasal ketiga itu. Menurut huraian-nya fasal tiga ada-lah pada 'am-nya di-maksud untuk membolehkan penggunaan yang lebeh luas sa-bagaimana sekarang bagi bahasa² kaum lain dalam Persekutuan. Atau di-dalam naskhah bahasa Inggeris-nya di-katakan "It is intended

generally to have the effect of enabling the present more liberal use of other languages". Erti-nya, pada pendapat Rang Undang² ini, penggunaan bahasa² lain sa-takat yang ada sekarang sudah merupakan more liberal—sudah merupakan lebeh luas. Dan apa yang hendak di-jalankan ia-lah tidak lebeh daripada apa yang di-jalankan sekarang.

Jikalau sekarang dalam Minggu Perpaduan di-keluarkan risalah dalam bahasa Melayu, dalam bahasa Inggeris, dalam bahasa Tamil, dalam bahasa China, maka itu-lah yang di-bolehkan oleh fasal ini, menurut pengertian saya. Maka jikalau ini hendak di-katakan suatu pembelotan kepada bahasa Melayu, maka terlalu berat-lah tuduhan itu. Sebab itu-lah *Straits Times* dalam ulasan-nya pada 24hb Februari ada satu ayat yang mengatakan bahawa *Straits Times* ini sedar akan maksud ini. Ayat itu berbunyi ulasan-nya,"

"It should not go unnoticed that the Explanatory Statement attached to the Bill speaks of the present more liberal use of other languages. There is no suggestion that liberal use will be taken any further."

Jadi ini-lah sa-benar-nya maksud daripada Clause (3) di-dalam Rang Undang² bahasa ini. Dan jika ini digunakan oleh orang² yang tidak mendalami, dan mengamati perkara ini sa-bagai satu penyelewengan, maka amat salah-lah dan amat keliru-lah orang yang membuat pentafsiran yang demikian itu.

Tidak ada suatu hak baru yang di-beri kepada bahasa² lain, hanya terjemahan pada masa² yang patut, yang mustahak seperti pada Minggu Perpaduan, atau seperti di-katakan oleh Perdana Menteri tadi, umpama-nya, kepada risalah untuk meminta communist menyerah diri. Jadi, ini-lah suatu perkara, satu detail, yang barangkali pehak PAS, pehak pembangkang, pehak Ahli Pasir Puteh, pehak Ahli Pasir Merah, pehak Pasir Kuning, boleh berselisih dengan kita. Tetapi dasar yang besar tidak berganjak—sa-kali² tidak berganjak. Jadi saya harap-lah bahawa soal mengelirukan pengertian ini tidak di-lanjutkan lagi oleh Ahli Pasir Puteh jangan pula sampai masa-nya kelak terlalu banyak

di-kelirukan demikian oleh beliau nanti ada orang memanggil beliau dengan sebutan Ahli Pasir Hitam.

Tuan Yang di-Pertua, tafsiran tentang penggunaan Fasal yang ketiga itu-lah menjadi titek pertemuan bagi semua ahli² dan penchinta² bahasa di-kalangan UMNO dan lain² kalangan lagi untuk menerima dan menyokong Rang Undang² ini, dan saya rasa kedua-tokoh bahasa yang menjadi pengarang surat khabar yang telah menuliskan ulasan²-nya tadi pun berpegang kepada ini-lah. Dan apa yang di-harapkan, sa-makin jauh kita berjalan, sa-makin kurang-lah terjemahan² yang sedikit bagini di-lakukan. Kerana jikalau dipandang pada masa ini, berapa peratus bilangan orang² yang bukan Melayu yang tidak ada kesempatan untuk belajar bahasa kebangsaan—20%, 30%? Lima tahun kita berjalan, peratus itu makin kurang dan tentu-lah amalan terjemahan ini seperti di-laongkan pada Minggu Perpaduan, yang saya rasa di-terima hatta oleh pehak PAS sendiri mengaku patut-lah di-lakukan dan di-jalankan. Makin sahari kita berjalan, tentu-lah saya per-chaya amalan itu akan sa-makin berkurangan.

Saya mendengar ucapan Ahli Pasir Puteh tadi, yang telah mengutok Rang Undang² ini sa-bagai mendewakan bahasa Inggeris dan meletakkan bahasa Inggeris pada tempat yang lebeh tegoh daripada dahulu, berpandu kepada Clause 4—Fasal 4—yang mengatakan Yang di-Pertuan Agong boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di-lanjutkan untuk apa² maksud rasmi yang di-fikirkan patut. Kalau dengan alasan kepada Fasal 4 sahaja, di-katakan bahasa Inggeris hendak dapat duduk di-tempat yang lebeh tegoh daripada dahulu, saya rasa orang yang berchakap ini merepek. atau kurang siuman, kerana sekarang bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal dalam segala serba serbi hatta Rang Undang² pun naskhah yang saheh, menurut ta'arif baru ini, yang saheh pun semua dalam bahasa kebangsaan chuma ada hak Yang di-Pertuan Agong menentukan bahawa dalam urusan² Kerajaan ada tempat²-nya boleh di-gunakan bahasa Inggeris.

Katakan-lah Kementerian Luar Negeri hendak berutus dengan Bangsa² Bersatu ada-kah Ahli Pasir Puteh dan kunchu²-nya minta supaya di-tulis kepada U Thant dalam bahasa kebangsaan juga sa-sudah kita mendaulatkan bahasa kebangsaan sa-penoh-nya, kalau tidak itu tidak sempurna kedaulatan bahasa kebangsaan konon-nya? Ini sahaja yang di-kata hak itu di-beri membolehkan Kementerian Luar Negeri mengadakan urusan perhubungan Luar Negeri dengan Bangsa² Bersatu ta' kan dengan bahasa kebangsaan, ta' kan bahasa Melayu, tentu-lah dengan bahasa Inggeris.

Jadi ini-lah saya rasa yang di-maksudkan oleh Fasal yang keempat ini tetapi di-kelirukan oleh Ahli dari Pasir Puteh ini di-katakan hendak menegohkan bahasa Inggeris, konon-nya lebeh tegoh lagi daripada masa sa-belum kita menerima Rang Undang² ini. Maka alang-kah jauh-nya kita daripada hakikat yang sa-benar. Ini ada-lah pandangan orang yang ta' nampak kapada hakikat. Orang yang ta' nampak mata hari di-langit kerana mata dia tertutup. Buka-lah mata itu jangan tutup mata.

Saya hairan di-sebut Fasal 4. Fasal 5, dan Fasal 6 sa-bagai alasan mengatakan hendak mendaulatkan bahasa Inggeris tetapi ta' di-sebutkan Fasal 8. Fasal 8 pun ada menyebut segala pembicharaan di-Mahkamah boleh di-gunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Ini dia ta' sebut sa-bagai alasan untuk kata hendak mendaulatkan bahasa Inggeris pada hal dia tahu di-Mahkamah akan di-jalankan perkara itu. Ini untuk chara yang realistic, untuk practical di-Mahkamah, loyar-nya yang mana boleh bichara dengan bahasa kebangsaan—Hakim-nya, Magistrate-nya, pun sapura, dia ta' sebut hal itu, ini kerana mesti terima punya, ta' boleh di-elakkan perkara ini, fasal apa kalau di-terima dia ta' sebut, dia sebut Fasal² 4, 5, 6. Jadi, Fasal² 4, 5, 6, fasal itu-lah juga lebeh kurang—lebeh kurang sama sebab-nya dengan perlu-nya di-masokkan Fasal 8 mengenai perbicharaan di-Mahkamah.

Jadi, ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita bila mendengar orang² sa-bagai Ahli Pasir Puteh ini dengan rakan²-nya

dari Parti-nya, berchakap melayang², kita macham mabok kepayang. Ini-lah kebanyakan-nya orang² sa-belah Kelantan masch mabok kepayang, tetapi zaman orang² Kelantan mabok kepayang pun hendak berakhir-lah insha' Allah dengan izin Tuhan ta' berapa lama lagi mendengar ucapan² sa-bagai itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dukachita-lah tadi mendengar ucapan daripada Ahli Pasir Puteh yang mengatakan Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri tidak pernah menghampakan hati sa-siapa, tetapi sa-benar-nya kata beliau orang² yang ta' pernah di-hampakan hati-nya ia-lah orang² yang bukan Melayu. Orang² Melayu ini banyak benar-lah yang telah di-hampakan hati-nya oleh Tengku Perdana Menteri. Saya mendengar ucapan ini teringat apa yang saya bacha tiga empat hari yang lepas ulasan daripada orang² China—pelampau² China-lah kita katakan—tentang Rang Undang² ini—orang yang sa-bagai Enche' Sim Mao Yew yang menjadi Ketua Kesatuan Guru² China yang beria² benar hendakkan bahasa China menjadi bahasa rasmi kalau Tunku ini tidak pernah mengechewakan hati orang² China, saya ingat Sim Mao Yew ini akan datang di-rumah Tunku sujud lutut dia terima kaseh tetapi bacha-lah apa kata Sim Mao Yew tentang Rang Undang² ini. Sim Mao Yew berkata, kedudukan bahasa China tidak terjamin dalam Rang Undang² ini bahkan Rang Undang² ini mengadakan kemungkinan untuk menghapuskan bahasa China—surat khabar yang tersiar pada 25 haribulan Februari. Jadi, rupa-nya Tengku ini pun mengechewakan juga hati orang China, sa-benar-nya mereka juga tidak suka dengan sa-penoh-nya, tidak dapat terima perkara ini, tetapi ini-lah yang saya katakan bahawa Rang Undang² ini satu Rang Undang² yang realistic, yang boleh menjamin hasrat kebangsaan dan boleh menjamin keutuhan dan perpaduan negara. Hanya gulongan² Sim Mao Yew sahaja yang berkata demikian, tetapi gulongan² yang lain tentu tidak sa-bodoh Sim Mao Yew dan kunchu²-nya. Jadi, sangat dukachita-lah kalau di-katakan Tengku ini tidak pernah menghampakan hati orang bukan

Melayu kerana orang² bukan Melayu pun gulungan² pelampau-nya memang tidak senang hati dengan Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri rasa sangat sukachita pagi tadi mendengar ucapan Menteri Kewangan yang memberi jaminan yang tegas—demikian juga Menteri Kerja Raya, bahawa Rang Undang² ini tidak akan di-jadikan tangga oleh pihak ra'ayat Malaysia keturunan China atau India bagi menuntut supaya bahasa China di-jadikan bahasa rasmi. Mereka hendak hanya sa-kadar itu-lah sahaja, sa-kadar memudahkan perhubungan dengan orang² yang bukan Melayu yang tidak tahu bahasa kebangsaan sa-bagai yang berjalan sekarang dan tidak lebeh.

Jikalau dengan jantinan ini, saya rasa, terjawab-lah sudah pertanyaan Persatuan Penulis National atau PENA yang bertanya dalam akhbar dapat-kah di-beri jaminan oleh Kerajaan bahawa orang² bukan Melayu tidak akan mendesak² supaya penggunaan bahasa mereka itu untuk maksud rasmi diperluaskan lagi di-masa hadapan. Jaminan sudah kita dengar hari ini di-dalari Dewan ini dan kita menyambut Rang Undang² ini dengan hati yang lapang, dengan kepala yang dingin, sa-bagai satu Rang Undang² yang realistik yang mendaulatkan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal pada 1 haribulan September tahun 1967 dan pada tempat² yang praktikal di-mahkamah atau perhubungan luar negeri yang perlu di-jalankan dengan bahasa lain terpaksa-lah di-jalankan.

Kita tidak boleh hendak lari daripada kenyataan ini, kerana kita hidup dalam dunia yang berjalan dengan keadaan² yang tidak dapat kita elak, dengan chita² yang melambong² saperti yang telah di-ucapkan oleh Ahli dari Pasir Puteh itu dan dengan terang sahaja bahawa Rang Undang² ini tidak sa-kali², pada pendapat saya, menchaboh Fasal 152 dalam Perlembagaan dan disana pun di-jamin penggunaan bahasa² lain dan ini akan di-terjemahkan ka-dalam Rang Undang² ini dengan chara yang jelas dan terang yang tidak menimbulkan keraguan, baik daripada orang Melayu atau daripada orang bukan

Melayu tentang kedudukan tempat bahasa² yang lain itu. Kerana bahasa Melayu ada-lah tetap menjadi bahasa rasni yang tunggal menurut Rang Undang² ini.

Kapada sa-sabuah negara, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang mustahak, yang penting sa-kali bagi kejayaan negara itu ia-lah kejujoran. Kejujoran hati, kejujoran hati menjalankan segala perkara untuk kebaikan negara dan Rang Undang² ini hanya dapat berjaya dan menchapai maksud-nya dengan kejujoran pemimpin² Kerajaan sekarang dalam menjalankan tugas dan terbukti-lah bahawa alhamdulillah dengan pertunjak Tuhan, kejujoran pemimpin² Kerajaan hari ini-lah yang telah menyelamatkan negara ini dari-pada dahulu sampai sekarang dan kejujoran ini-lah yang menjadi modal bagi Kerajaan ini. Dalam berhadapan dengan ra'ayat, Kerajaan yang ada sekarang dan parti yang memerintah sekarang ini berani berhadapan dengan ra'ayat bila² masa sahaja dengan hati yang puteh, dengan hati yang jujur, dengan hati yang benar yang tidak berselindung², dengan tidak bernian sunglap sa-bagai yang di-jalankan oleh kebanyakan Parti² Pembangkang di-dalam Dewan ini, yang lain di-mulut lain di-hati, lain dalam Dewan, lain di-luar Dewan. Kejujoran ini-lah modal yang besar bagi Perikatan dan bagi Kerajaan Perikatan. Dan sa-tiap masa di-uji kejujoran ini. Kerajaan Perikatan dan Parti Perikatan telah dapat membuktikan bahawa kejujoran mereka itu kejujoran yang sa-benar untuk negara ini dan kebajikan negara ini dan ra'ayat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Pasir Puteh telah mengatakan ugutan² Tengku Perdana Menteri ini ia-lah sa-bagai penchuri meneriak penchuri. Ini-lah lagi satu chara beliau yang telah keliru dengan Rang Undang² ini, dan tahu yang dia itu dengan sengaja keliru dan mengelirukan tentang maksud Rang Undang² ini, chuba pula hendak mengelirukan orang ramai dengan tuduhan yang mengatakan penchuri konon-nya meneriak penchuri. Saya dengan sudahi ucapan saya ini dengan sa-buah pantun. Saya hendak

hadiahkan dengan segala kaseh sayang kepada Ahli dari Pasir Puteh itu:

Bukan besi sa-barang besi,

Besi waja Indira Giri;

Bukan penchuri teriak penchuri,

Sahaja si-buta tidak nampak matahari (*Tepok*).

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad
Mianji: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran menjawab itu, boleh?

Mr (Deputy) Speaker: Belum boleh.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad
Mianji: Empat rangkap.

Mr (Deputy) Speaker: Belum boleh lagi.

Tuan D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr Speaker, Sir, the Bill before the House today is a momentous one, and we have so far heard two opposing views, one saying that it will establish Malay as the sole official language on the 1st of September, 1967, and the other view saying that this Bill, far from establishing Malay as the sole official language of the country, will in fact be destroying the status of the Malay language.

The Bill has been described by the Honourable Minister of Finance and the Minister of Works, Posts and Telecommunications as a Bill introduced and as a day which will be remembered for its great glory. Mr Speaker, Sir, I think history will record that today we, as duly elected Representatives of the people of West Malaysia, are being asked to commit one of the greatest acts of treachery and betrayal on one half almost of the population of West Malaysia, or, to be more exact, perhaps about 4 million people, the non-Malays of West Malaysia. Mr Speaker, Sir, I will try to explain why it will go down in the history as a day of betrayal and treachery, not because of the introduction of the Bill itself, but because it culminates broken promises, broken pledges, broken assurances, given to the non-Malays of this country.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Works, Posts and Telecom-

munications stood up in this house and said, words to the effect, that this Bill and its implications have been freely accepted by the non-Malays of this country. Mr Speaker, Sir, I ask "Where on earth did the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications gather those indications?" This Bill was presented to this House, if I am not wrong, last Friday. Simultaneously, the Honourable Prime Minister at Johore Bahru announced the presentation of the Bill and gave a warning that any persons, who do not accept the provisions of this Bill, will be held responsible for the consequences that may follow. Such a warning was followed by the calling of the local newspapers for a meeting with the Honourable Prime Minister—the Honourable Finance Minister, the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications, they were all present, I know—and the newspapers were told, "Well, this issue has come up, the Bill has now been laid, we would appreciate it if views, which may cause embarrassment, are not given undue prominence in the newspapers." Mr Speaker, Sir, those are facts. In the face of that, I ask the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications, "Where do you expect, how can you expect, the non-Malays to express their resentment of this Bill?" First, a warning by the Prime Minister; then a press conference saying in effect, "Do not publish what is against this Bill"; thirdly, one day later, the Honourable Prime Minister makes a statement saying, "There has been no untoward reaction from the non-Malays to this Bill". Mr Speaker, Sir, if that is not the height of a ridiculous situation, then I do not know how much further we could go to get a ridiculous situation.

You threaten, you muzzle, and then you say, "There is no untoward reaction from the non-Malays", and the Minister of Works, Posts and Telecommunications comes here and says, "There is no untoward reaction". Mr Speaker, Sir, I say "Remove the machine guns, remove the threat of machine guns and batons from Policemen, allow the people to express their

views without fear, and you will get a reaction which will stun not only the Government but which will stun the whole world on the reaction of the non-Malays, to this Bill". Therefore, let us not try to hoodwink ourselves by saying that the non-Malays have accepted this Bill in its entirety, because they have no reason to accept it, because it gives them nothing, not even an iota of what they have been asking for, for the last 10 years.

Mr Speaker, Sir, what has been the battle, the constitutional battle, in the course of the last 10 years on the language issue? The battle has been two-sided: one is a demand by Chinese and Indians, to put it broadly, for the recognition—recognition as official languages—of Chinese and Tamil in this country; the second leg has been a question mark of what is going to happen to the English language on the 1st September, 1967.

Mr Speaker, Sir, those were the two issues raised—and here, I think, I must give credit to the Honourable Member for Bandar Malacca, I think, who is not present, who was one of the first exponents of multi-lingualism for this country. I wonder what his feelings would be today, sitting on the benches of the Government side. However, men change their opinions for various reasons.

Mr Speaker, Sir, the history of the demand for multi-lingualism was a constant history from the Chinese powerful, influential, group of guilds, associations, schools, businessmen, political organisations, such as the Member for Bandar Malacca once led to carry on this battle. Mr Speaker, Sir, the M.C.A. as a political force, at every election for the last 10 years, said to the people of Malaya, particularly to the Chinese, "Slowly, slowly, we will do things. Don't worry. Everything is in safe hands". Things came to a climax, when the guilds and associations realised that the M.C.A. was an incapable force of doing anything either slowly or quickly; the Chinese guilds and associations used their own leaders to carry on the constitutional

battle for the recognition—and I use the word "recognition" as against the "more liberal use"—of the Chinese language. Tamil Teachers' Unions and organisations similarly set up their own committees and similarly made their own demands. Mr Speaker, Sir, things were coming to a crisis when the M.C.A. Youth Organisation, or the Youth Section of the M.C.A., passed resolutions, not one but more than one, in which some political secretaries, sitting in this House, and Parliamentary Secretaries associated themselves, but in double quick time said, "We no longer associate ourselves with these resolutions". They were passed. There was a threat of a rebellion within the M.C.A. groups.

The Honourable Prime Minister, and I have no doubt, quite sincerely, at Ipoh, at a very big Chinese function, made a promise saying that as far as language was concerned he had in effect, an idea which would change the position of the Chinese language, in the sense that it would satisfy the Chinese people of this country when 1967 came along. Mr Speaker, Sir, that went a long way towards pacifying the rising tempo of the claim for official recognition of this language. Right on the heels of that promise, or right on the heels of that indication, the guilds and associations appointed a special committee, headed by Mr Sim Mou Yu who was just now mentioned by the last Honourable speaker. That committee sent a memorandum to the Honourable Prime Minister saying, "We want, amongst other things, recognition of our languages". Mr Speaker, Sir, then there came the Government's next stand. Things were getting a bit too hot for the Government. They had to suppress this talk of the language recognition. They sought, I am sure, the assistance of the Registrar of Societies saying, "You guilds and associations, keep out of this; this is a political issue. You have no right to enter into this battle". In public rallies, as we heard from the Honourable Member for Dato' Kramat and the Honourable Member for Tanjong, the Police stopped them

speaking on the language issue. Mr Speaker, Sir, let it be remembered you can control the outward voicing of opinions, of feelings, but you cannot control the thoughts of man. Those thoughts will remain and you can only control the voicing of those feelings.

Mr Speaker, Sir, this Bill came out, as I said, last Friday. What is the opportunity that you have given the people to consider the implications of this Bill? Why was this Bill put up at the last minute without notice, even to Members of Parliament when we convened so long ago in this present sitting? Why is it that it is put up in such a hurry before this House? Why is it that from time to time we were not informed when the debate on this Bill will start? Until very recently, we were assured that it will start today. Mr Speaker, Sir, here is, what is called, a Bill which will, perhaps change the destiny of the nation. Why is it that the people, whom it is going to effect, have not been given ample time—and I say they have not been given ample time—to consider the implications of this Bill. What are the motives of this Government? To pass, pass it by saying to the people “You shut your mouth now; if you don’t shut your mouth now, our bren guns and our batons will come out”. You can pass it, Mr Speaker, Sir, but can you maintain it with loyalty and with sincerity of all citizens of this country? I say that is not possible, and that is not the way to do it.

This Bill, Mr Speaker, Sir, is a cowardly Bill, a Bill brought out without determination, but with a sense of frustration and cowardice. What has the Bill established? Written into it and reading between the lines, one can gather the impression that this Government wants English to have its same status in this Country as it now has, but the Government is not daring enough, or not courageous enough, because they are people like Tuan Syed Nasir around, not courageous enough to say in so many words, “English shall remain almost on par with the Malay language in this country”. Now, I agree with that principle. But, why

don’t you say it if you so want it? Why do you try to hoodwink not only your Malay brothers but because enmity between the Malay brothers and the non-Malays of the country. That is clearly the intention of this Bill otherwise, the provisions relating to the English language need not be incorporated in this Bill at all.

Mr Speaker, Sir, let us take this Bill clause by clause. Clause 3 is the important clause as far as the non-Malays of this country are concerned, and here I am in full agreement with the comments made by the last Honourable Member who spoke—that Clause 3 does not alter in any way whatsoever the present situation of the other languages in this country.

Now if more authority is needed for that statement, and here I think it is necessary that the public should be so informed, because the M.C.A. is playing a dirty game, trying to tell the Chinese that Clause 3 has got concessions for them when, in fact, they have not got any concessions under Clause 3, and if authority is needed, it is the authority of the Honourable Prime Minister himself in his speech this morning. Referring to Clause 3, the Honourable Prime Minister refers to the necessity for publishing surrender leaflets in other languages and goes on to say: Similarly notices posted at protected or prohibited areas in the official language only without the translation, will endanger the lives of innocent people; therefore, it is in the public interest to translate the documents or notices into other languages. There are so many examples which I can quote to show the importance of this section, which Government is empowered to use in the public interest. You may well ask, “Why then were all these notices and pamphlets issued before in other languages without the need of a similar clause in the law? It is because the National language was not made official as it is now”. Then, there is an amendment slip—the last line should read:

“It could be misunderstood that while it is not illegal for them to be in possession of pamphlets or leaflets in other languages, this, in effect, is not covered by law.”

We are now making provisions for this in the new law. Mr Speaker, Sir, therefore, on the authority of the Prime Minister, supported by the last Honourable Member who spoke, and on a clear construction of Clause 3, it gives nothing further to the non-Malays of this country. Therefore, the sooner M.C.A. realise that, the sooner will they stop trying to mislead the people whom they claim to represent. Therefore, Mr Speaker, Sir, if Clause 3, as admitted by the Government side, gives no concession to the non-Malays of this country, where then is the promise of the M.C.A. for the more liberal use of the Chinese language? Where then is the promise? And I do not say the Honourable Prime Minister broke his promise: I say that he had every intention to keep it, but people like Tuan Syed Nasir will not allow him to keep it. Where is the promise that things would be done for a more liberal use of the Chinese language in this country? Mr Speaker, Sir, Clause 3 does not give any right for those who want to correspond in the Chinese or Tamil language—I say only “Chinese” for convenience—then who ever want to correspond with the Government in those two languages will not be allowed to do so.

Mr Speaker, Sir, at this meeting, when the Budget debate took place, the Honourable Prime Minister referred to Ceylon and said that the language issue brought riots, bloodshed, untold sufferings to the people of Ceylon. But the Honourable Prime Minister did not tell us the ultimate result of what he called “the bloodshed and the sufferings of the people of Ceylon”. The ultimate result is that today in Ceylon you can write a letter to the Government in Tamil, you get a reply in Tamil. You can speak in the Parliament of Ceylon in Tamil. You can speak in the Assemblies of Ceylon in Tamil, in any part of Ceylon—that is what was brought to the Tamil-speaking people of Ceylon. And let us not forget that that is not defeat, that is success. Mr Speaker, Sir, I am obliged to an Honourable Member of Parliament from Ceylon, who happened to be in Parliament House, who happened to hear the Honourable the Prime Minister

say this about Ceylon and who made it a point to come and see me in the coffee lounge and said, “Your Prime Minister is slightly wrong, because in Ceylon the Tamil-speaking Ceylonese get their concessions over their battle for their language rights”. And if anybody says I am wrong in this, I accept that challenge and it can easily be verified that that is the position in Ceylon today—not because the Government wanted to give it, not because the Sinhalese-speaking Government was glad to give it, but because the people of Ceylon were wise, because in the last elections they voted in such a manner that the Sinhalese-speaking Government could not carry on without the co-operation of the Tamil-speaking political parties, and they had to come to a compromise. Therefore, Mr Speaker, Sir, the people of Malaya, or of Malaysia, perhaps, can learn a lesson from the people of Ceylon, that if you cannot get something from a Government in existence then you vote in another way, so that whether they like it or not their hands will be forced to give concessions. The Honourable Member for Menglembu, being meticulously careful, says that I should make it clear that I do not support the violence that took place in Ceylon—of course, I do not support it. But I say that the people in democratic elections voted in a certain manner, thereby forcing the hand of an adamant government to give way so that their rights would be recognised: that is the more liberal use of the language, that is an interpretation of the more liberal use of language. Mr Speaker, in Ceylon, Tamil is not recognised as an official language, but the Government promised more liberal use and the liberal use is that you use it in Parliament, you write in Tamil you get your replies in Tamil; you get your forms in Tamil. That is a proper construction of “more liberal use”. Therefore, the M.C.A. has failed, failed abjectly, failed miserably to get one single concession from their partners, the UMNO. With regard to the Malayan Indian Congress, of course, the Honourable Member for Kota Star Selatan, if I am wrong I apologise, made it very clear in a letter to the *Raketer*, I think, when he said, “even the small M.I.C. is given due

consideration within the Alliance". So, they do not count really for very much.

Mr Speaker, Sir, not the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications also said that there were no resolutions, there were no public observations condemning this Bill. Mr Speaker, Sir, are the people allowed to have public meetings to resolve this matter, to resolve that they do not like this Bill? They are not allowed in this country to do so, and if the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications expects those resolutions, he is expecting something which the people are not allowed to give.

Mr Speaker, Sir, this Bill will, no doubt, get through, but it is not the end of the constitutional battle for language. It is something which will go on; it is something which will be carried on in a constitutional manner, and the time will come, if not now, if not in our time perhaps in our generation's time, when the legitimate, lawful, reasonable demands of non-Malays of this country will be met. Of that, I think, there can be very little doubt, because the time will come when the power of voting will be such that you cannot stop the tide of progress.

Mr Speaker, Sir, Clause 5 says:

"The President of Dewan Negara, the Speaker of the Dewan Ra'ayat or the Speaker of the Legislative Assembly of any State, or other person performing for the time being the functions of any such office, may permit any member of either House of Parliament or the Legislative Assembly, as the case may be, to use the English language"

Mr Speaker, Sir, may I ask, what was the intention of the Government in restricting this right only to Parliament and the State Assemblies? What about Local Councils? What about City Councils? What about Municipalities? They have no power to allow their members to use English. If a Member of Parliament cannot speak Malay sufficiently, if you envisage such a situation, are you envisaging that every member of the Local Authorities will be able to speak Malay sufficiently to conduct the business in Malay? I know somebody may say Clause 4 gives the Yang di-

Pertuan Agong the right to permit the use of English for such official purposes as may be deemed fit. But Clause 4 is certainly not intended to cover a case which I envisage, such as the Local Authorities. Why was it omitted from this? Is there any legitimate reason? Perhaps those responsible can explain this, when it comes to a later stage. But what I would suggest is: if this Bill is getting through, all you got to do is to add one more line—"or persons performing the duties of Chairman or President of a Local Council". It will solve all elected Assemblies once and for all. Mr Speaker, Sir, it is important in the sense that it creates a ridiculous situation where you make provision for Members of Parliament who are expected to know Malay, although the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications says that only now he is going to learn good Malay before September, still it is a funny situation where Members of this House are given certain possible privileges but not members of other Assemblies which should have those privileges.

Mr Speaker, Sir, this Bill is again a sorry one, a sorry one for the Malays, because it is an abject unconditional surrender by saying that the Malay language is not developed enough, is not sufficient enough, to carry on the business of this country, and that comes in very clearly here, where in Clause 5 it says that the texts of all Bills will be in Malay and in English, and power is given to the Yang di-Pertuan Agong to declare/which of those Bills is authoritative, whether the English or the Malay. So you envisage a situation where your Malay language, where our Malay language, will be insufficient to make it authoritative in this country. Is that not an admission that the Malay language is not developed enough even for future legislation to make it the authoritative text of our laws in this country? Can there be a greater admission of failure and defeat? I say there cannot be, because if you envisage a situation where you are going to draft your Bills in Malay and the Malay language is, according to us, advanced enough and wide enough, then it can be done—when I

say "according to us", I mean according to the majority of this House. Then you must be prepared and brave enough to say, "that shall be the authority and not the English language". If you are not prepared to, then you should not introduce Malay as the official language at this stage. Which is it? Is it good enough, or is it not good enough? If it is not good enough, be brave enough to say so, Mr Speaker, Sir, otherwise there is no reason why there should be power to declare whether the English text or the Malay text is the authoritative one; and in fact the Explanatory Note and the Honourable Prime Minister's speech say, "There may be some laws in which it is not possible to explain in the Malay language." I have yet to see a country with this situation facing it.

Mr Speaker, Sir, then we come to an important part of legal proceedings—Clause 8. I do not know who is responsible for placing this Bill before this House with Clause 8 as it stands. However, I am sure that no person with legal knowledge would have placed this before this House, because you will be bringing into existence a situation which is impossible. Clause 8 says:

"All proceedings (other than the giving of evidence by a witness) in the Federal Court, the High Court or any subordinate court shall be in the national language or in the English language or partly in the national language and partly in the English language."

So, straight off under Clause 8, in a court trial, you can use two languages and nobody can stop you, not even the presiding judge. So, if I go into court and say, "I want to use English" and then my learned friend then comes back to court and say, "No, I want to use Malay." My learned friend makes a submission in Malay, and it has got to be translated for my benefit; I make a submission in English and it has got to be translated for his benefit, and the proceedings, instead of taking two hours, are going to take four hours or four days. The judge may say, "I want to speak in Malay"—What he says in Malay must be translated for my benefit. When it goes on appeal, a record must be made where there must be another translation for the benefit

of a judge who, perhaps, does not know Malay or who does know English sufficiently but prefers Malay. Is such a situation in this Bill envisaged is that what is called justice, fair play, to expedite justice in the interest of everybody concerned? Because, that is a situation which can arise if people are not reasonable enough, and everybody is not reasonable in this world.

The proviso makes it still further terrifying, when it says:

"Provided that if the Court and counsel"—*not Court or counsel, but Court and counsel*, so there must be three bodies—

"on both sides or the Court and both parties agree, the proceedings shall be in either the national language or the English language only."

Now, the proviso says that you can use one language provided all parties agree. Assuming that we use one language, and we use the Malay language in the lower court, where everything will be in Malay, it goes up to the High Court and somebody says, "Well, I don't like this." What is going to happen? Translations again, more public money spent, more paper used, more typewriters, more stenographers, more expenditure. Mr. Speaker, Sir, it is obvious that, if this Bill is going through this House, Clause 8 requires an amendment, and I am sure that those with legal knowledge will at once see that Clause 8 must be amended if it is to have any meaning whatsoever. How it is to be amended is a matter for the Government side, but that an amendment is required before it comes into force is very, very clear.

Mr Speaker, Sir, I have, since the publication of this Bill, taken the trouble, in the short time available to me, to consult my electorate and my electorate have asked me to stand up in this House and say, "We oppose this Bill. We oppose it because it has once and for all, until it is amended, destroyed all hopes and aspirations of the non-Malays on their language issue. It has once and for all exposed the myth of the M.C.A. that they are capable of getting any concession whatsoever from their partner, the U.M.N.O. it has exposed once and for all the true position of the M.C.A. within the

Alliance Party." Mr Speaker, Sir, I have no hesitation in condemning and opposing this Bill, and it will be my duty, when this Bill comes up for voting, to vote against it. Mr Speaker, Sir, I do not think I can usefully add anything more on this Bill.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan, saya mengambil bahagian bersama² dengan Ahli² Yang Berhormat yang lain dalam membahaskan Rang Undang² Bahasa Kebangsaan ini dengan sa-berapa ringkas yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah di-sebutkan oleh sahabat saya dari Pasir Puteh tadi sudah-lah menchukupi untuk menggambarkan pendirian Parti Islam sa-Tanah Melayu dan tidak-lah mustahak saya mengulangkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua tiga perkara yang ringkas sahaja yang saya hendak kemukakan ia-itu saya shak hati ada-kah Rang Undang² ini di-buat atau di-rangka oleh Attorney-General sendiri. Saya kata begitu ia-lah di-mana² negara sa-kali pun Attorney-General telah dapat memberi fikiran kepada Kerajaan tentang chara² membuat rangka atau pun draft mengenai perkara undang². Dan saya dapati clause² yang tersebut di-dalam Rang Undang² ini berlawanan di-antara satu dengan lain sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi dan menerangkan satu Rang Undang² yang di-dalam-nya terdapat fasal² yang berlawanan dengan fasal yang ada di-dalam Rang Undang² itu sendiri bukan-lah kerja yang layak bagi office Attorney-General; dengan demikian saya anggap bahawa Rang Undang² ini di-rangka oleh bukan pehak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu masaaalah lagi kalau-lah betul Rang Undang² ini maksudkan untuk melaksanakan tujuan dan maksud perkara 152 di-dalam Perlembagaan kita ada lebih bijak dan lebih terjamin kepada pehak Kerajaan dan negara kita meminda Perlembagaan itu sendiri, meminda Perkara 152 itu sendiri dengan tidak mengemukakan Act yang samacham ini. Tuan Yang di-Pertua,

boleh jadi sahabat² saya di-sana akan ketawa kapada saya sebab saya bukan-lah ahli Undang². Tetapi dalam Dewan ini fikiran² tiap² sa-orang itu patut-lah di-perhatikan.

Tuan Yang di-Pertua, beza-nya di-antara meminda Perlembagaan dengan membuat Act, meminda Undang² berhajatkan suara yang tertentu, dalam Perlembagaan kita dua pertiga, tetapi membuat Act yang sa-macham ini samata² dengan lebehan suara yang sedikit sa-kali atau pun simple majority, bahaya-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-luluskan Act ini ada satu pehak pula yang tidak mahu bahasa Melayu itu menjadi bahasa kebangsaan atau sa-barang bahasa yang di-rasmikan sa-bagai bahasa kebangsaan maka Dewan ini boleh memansokhkan Act ini juga dengan simple majority. Jadi dalam satu tahun boleh dua tiga kali mengubah Act ini, dengan tidak payah mengadakan pembahagian di-dalam Dewan ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ini-lah chara² hendak menutup tembelang-nya orang² yang tidak berani menghadapi kenyataan. Kalau di-ubah Perlembagaan terpaksa Rumah ini mesti di-bahagi maka terpaksa kita bangun dan di-masa itu tidak ada sa-orang pun yang dapat melari muka dan kita tahu muka mana yang akan berdiri dengan kenyataan tetapi dengan Act ini dengan sa-mata² meneriakkan berkata "Ayes" atau "Noes", maka muka² itu dapat di-semunyikan dan ini menunjukkan satu pendirian yang tidak tegas dan tidak sanggup menghadapi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berpuas hati, malah membantah Rang Undang² ini dan saya menchabar Kerajaan, kalau Kerajaan betul² jujur dalam hal ini dengan tidak memandang lagi isi ini, mereka patut-lah menarek balek Rang Undang² ini dan mengemukakan Rang Undang² (Pindaan) terhadap Perlembagaan itu sendiri dan di-masa itu dapat kita melihat wajah² orang² yang berani berdiri memper-tahankan keperchayaan dan pandangan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak ketawa-nya ia-lah Fasal 8.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi mengatakan kalau-lah pehak yang terlibat di-dalam satu² perbicharaan dalam Mahkamah menuntut supaya dia di-beri hak menggunakan bahasa yang tertentu dan satu pehak lagi menggunakan bahasa yang tertentu dan hakim pula menggunakan bahasa yang tertentu, maka perbicharaan dalam Mahkamah itu akan menjadi kelam kabut, tetapi ada satu perkara lagi yang agak-nya terlupa oleh Ahli Yang Berhormat itu dan pada pendapat saya benda yang dia terlupa-nya itu ia-lah bagini:

Kalau sa-kira-nya hakim pula memberi kebenaran kepada satu orang menggunakan bahasa yang bukan Inggeris dan bukan juga Melayu dan dia sendiri, Tuan Yang di-Pertua, boleh juga membuat bagitu, jadi, erti-nya dia tidak mesti menggunakan bahasa Inggeris sahaja, atau pun bahasa Melayu sahaja. Jadi, ini, Tuan Yang di-Pertua, terlibat lagi satu dengan hakim sendiri. Maka chara, atau pun bentuk rupa Rang Undang² ini sudah melampaui batas hak Dewan Ra'ayat ini tentang menyentoh hak² asasi manusia.

Baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua, beberapa buah Mahkamah Tinggi di-India telah membuat ruling—membuat keputusan—membataskan kebebasan Dewan Ra'ayat sa-bagai badan penchipta undang² yang tertinggi dalam perkara² yang menyentoh fundamental right, ia-itu hak² asasi manusia. Masa-lah bahasa ada-lah satu masaalah bagi satu² bangsa dan satu² keturunan. Kalau-lah Dewan ini di-beri kebebasan membuat sewenang², erti-nya masaalah yang besar itu memada² dengan Act sa-mata² tidak dengan meminda Perlembagaan saya memandang walau pun kita berhak membuat Undang² tertinggi, tetapi kita telah chuba—telah chuba menyentoh hak asasi yang di-amanahkan kepada kita dan sa-kali lagi saya menyeru supaya Kerajaan memikirkan lebih jauh di-dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Clause 3 telah banyak diperchakapkan, ada pehak yang merasa bahawa bahasa China tidak dapat hidup subur dengan hanya di-adakan terjemahan sa-mata² dan pehak Melayu pula mengatakan ini-lah jalan yang membunuh bahasa Melayu. Kesimpulan-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kedua² pehak ini sudah tertipu dengan Rang Undang² ini, orang² UMNO di-

dalam Perikatan tertipu, orang² M.C.A, sendiri pun tertipu dan pesaka penipuan ini akan berlarut sampai sa-panjang masa sa-hingga apabila sudah Kerajaan Perikatan ini menjadi mendiang, maka pesaka² yang tertipu tadi maseh lagi menjadi duri di-dalam daging bagi sa-sabuah negara kita dan saya rasa ini ada-lah satu kesalahan bagi kita zaman ini yang kita tinggalkan kepada anak chuchu kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ada pun masa-lah bahasa Melayu sa-bagai satu bahasa kebangsaan dan sa-bagai satu bahasa rasmi yang di-pandang tidak chukup, atau pun tidak layak, saya merasa hairan satu, Tuan Yang di-Pertua, kerana bahasa Melayu bukan sahaja di-tutorkan oleh orang² di-Malaysia, tetapi di-Indonesia pun di-pertutorkan dalam bahasa Melayu juga dan saya rasa lebih daripada 100 million manusia yang dapat memahami bahasa Melayu. Saya tidak fikir satu bahasa yang di-pertutorkan lebih daripada 100 million manusia merupakan satu bahasa yang tidak layak. Apa yang menyebabkan bahasa Melayu ini menjadi tidak layak, atau pun bahasa kebangsaan kita ini menjadi tidak layak ia-lah sikap Kerajaan kita tidak bersungguh² dalam tempoh 10 tahun dahulu, pada hal pada hari kemerdekaan terchapai sudah di-maktubkan di-dalam Perlembagaan kita bahawa sa-lepas 10 tahun kemerdekaan, bahasa Melayu akan menjadi bahasa rasmi, tetapi sa-hingga hari ini jangankan ra'ayat di-beri lathen dan pejalaran, Menteri² sendiri pun yang berhasrat hendak merasmikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan, mereka sendiri pun ta' boleh berchakap bahasa itu. Jadi, bagaimana mereka itu chuba hendak merasmikan bahasa kebangsaan untuk menutup kesilapan ini, ini-lah maka di-buat terjemahan yang sa-macham ini. Yang sa-benar-nya ia-lah kerana mereka sendiri pun tidak mengambil berat di-dalam bahasa kebangsaan. Jadi, sa-bagai satu jalan keluar mereka menipu ra'ayat ini buat sementara waktu, maka bagi orang² Melayu yang tidak begitu jauh pandangan-nya, dia berkata chukup-lah dengan yang ada ini perlahan², dan bagi pehak orang China pula, chukup-lah yang ada ini bagi

perlaban² dan bagi pehak orang Tamil pula chukup-lah dengan yang ada ini pergi perlaban², tetapi perlaban² itu akan di-deraskan bila sampai masa hendak di-deraskan. Menteri² yang ada sekarang ini sudah tidak ada lagi dalam Dewan ini yang hendak bertanggung jawab kepada generation yang akan datang, dan di-masa itu-lah clash, atau pun pergaduhan akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, masalah terjemahan ini kedudukan-nya tidak sama dengan negeri² yang betul² multi-racial keturunan-nya. Mithal-nya di-India lebeh daripada 100 bahasa ada, tetapi di-India kesemua keturunan itu bumi-putera negeri India dan bahasa itu bukan di-import daripada luar. Dia tumbuh di-negeri India itu sendiri sabati dengan keturunan-nya. Kalau hendak di-buang pun, dia ta' tahu hendak di-buang ka-mana, tetapi bahasa² yang di-bawa mari ka-sini ia-lah bahasa yang datang menampek dan itu pula hendak di-sifatkan sebagai important component dan ini ada-lah salah dalam pentafsiran.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Clause 4—Yang di-Pertuan Agong boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di-lanjutkan untuk apa² maksud rasmi yang di-fikirkan patut. Tuan Yang di-Pertua, di-dalam merangku undang² perkataan yang di-fikirkan, deemed, tidak ada satu kaedah—criterion—yang dapat menentukan bila perkara itu patut di-pandang deemed atau pun tidak, melainkan kepada pehak yang hendak mentafsirkan. Bagi orang² yang dapat memikul 100 kati, 70 kati deemed to be light kepada dia—pandang ringan, tetapi kepada orang yang kecil dia memandang ini deemed to be very heavy. Jadi, perkataan “deemed” ini, Tuan Yang di-Pertua, amat-lah sukar kita hendak pergunakan dalam masaalah² yang besar sa-bagai-mana masaalah bahasa ini, dan yang kedua yang di-fikirkan patut apa-kah kaedah menentukan pemikiran patut dan tidak patut itu.

Bagi orang yang tidak mahu bahasa kebangsaan, dia mengatakan, saya fikir patut di-terjemahkan atau pun patut di-lanjutkan menggunakan bahasa Inggeris ini. Di-samping itu orang yang

boleh berbahasa kebangsaan, dan mahu menggunakan, berkata, patut perkara ini tidak di-terjemahkan. Jadi, di-sabalek dinding itu sudah dua fikiran. Ini menambahkan kerumitan lagi. Dan lagi pula, terjemahan² ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perlu, tidak-lah mustahak di-masokkan di-dalam Act atau pun di-dalam Perlembagaan, dan perkara itu hanya sa-mata² menjadi routine di-dalam pekerjaan kita. Tuan Yang di-Pertua, saya katakan routine, bagini—tidak mustahak di-buat terjemahan itu kalau terjemahan itu tidak official, dan jika official, maka dia juga merupakan bahasa kebangsaan atau pun dia merupakan satu authoritative. Jadi, di-mana dudok-nya nilai bahasa kebangsaan yang bersifat authoritative, sedang terjemahan-nya juga authoritative. Boleh kita menterjemahkan, menggambarkan maksud bahasa asal yang authoritative itu, tetapi apabila timbul pertelengkahan maka terjemahan itu di-rujokkan kepada bahasa yang berkuasa atau bahasa yang saheh tadi. Tetapi kalau translation (terjemahan) itu sendiri authoritative, saya fikir sahabat saya daripada Kuala Trengganu tidak dapat menerima logik di-dalam legal yang sa-macam ini. Saya tidak dapat hendak berkata bahawa Rang Undang² ini patut di-tolak oleh orang yang mempunyai pelajaran di-dalam undang², tetapi saya dapat berkata bahawa tabiat Rang Undang² ini sendiri, Tuan Yang di-Pertua, tidak mengizinkan Dewan ini membahathkan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Clause (3)—saya tidak membahathkan Clause (3) ini dari segi hendak menterjemah atau pun tidak, sebab itu ada-lah masaalah hasrat masing². Yang saya hendak bahathkan tentang hakikat Clause itu sendiri—the very nature of the Clause ia-itu, Tuan Yang di-Pertua, Clause (3) ini, kalau hendak di-masokkan di-dalam Act, ini merupakan satu tambahan di-dalam Perlembagaan. Sa-patut-nya Act itu turunan daripada Perlembagaan dan ia tidak dapat menerima perkara² baharu di-dalam Act itu. Act ini, pada fahaman saya, ia-lah sa-mata² hendak menyalurkan maksud di-dalam Perlembagaan itu sendiri. Tetapi dia tidak boleh sama kuat dengan clause dalam Perlembagaan itu sendiri. Pada hal di-dalam

Rang Undang² ini, Clause (3) ini ia-lah menambah satu kuasa lagi, satu legal value lagi di-dalam Perlembagaan kita. Dengan demikian, kalau betul pehak Kerajaan ini berani dan mempunyai hujjah² yang benar, di-tarek balek Rang Undang² ini dan di-kemukakan Undang² baharu dan Undang² itu merupakan pindaan kapada Perlembagaan, tidak merupakan Act yang sa-macham itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesimpulan-nya yang terakhir, saya menuntut pehak Kerajaan supaya menarek balek Rang Undang² ini dan mengemukakan Rang Undang² baharu, ia-itu merupakan pindaan kapada Perlembagaan. Saya tahu, Kerajaan apabila mendengar pedeh ini akan menambah lagi agaknya satu clause baharu, mithal-nya di-hujong² Clause (8) itu, 9-kah, 8 (a)-kah hendak menambahkan lagi—saya tahu. Tetapi sa-lagi Rang Undang² ini merupakan Act, maka sa-lama itu-lah maksud kita hendak menchapaikan kedudukan bahasa rasmi bahasa Melayu itu tidak terchapai.

Yang kedua, saya minta kapada mana² Kerajaan sa-kali pun sama ada Kerajaan Perikatan atau pun Kerajaan mana yang memerintah, di-ketika mengemukakan Rang Undang², tidak mustahak-lah memberi amaran, mengatakan bahawa barang siapa menentang Rang Undang² ini, maka mereka itu ada-lah pengkhianat. Tidak ada guna Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya tidak ada orang yang hendak membahathkan Rang Undang² itu. Kechuali kalau perkataan pengkhianat itu tidak mengandongi sa-suatu ma'ana. Dan biasa-nya orang yang menggunakan perkataan yang tidak di-maksudkan sa-suatu, orang gila sahaja, Tuan Yang di-Pertua,—mengatakan, saya menggunakan perkataan khianat, tetapi saya tidak bermaksudkan mengkhianat. Siapa orang yang sa-macham itu—orang yang tidak siuman sahaja yang menggunakan perkataan yang sa-macham itu. Tidak ada guna pula Opposition di-sini kalau semua yang di-kemukakan oleh Kerajaan itu menyokong terus—lebih baik kami cross pergi ka-sana—ta' guna dudok dalam Dewan ini.

Dan, Tuan Yang di-Pertua, untuk ma'alumat, Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak menang dalam pilihan raya dengan Perikatan ini bukan satu perkara yang mudah—lawan three by one. Apabila kami menang di-sini, mereka itu suroh tutup mulut. Bukan sahaja tutup mulut, menudoh pula sa-bagai pengkhianat. Tuan Yang di-Pertua, kalau di-takdirkan orang lain memerintah pula, orang lain pula membuat terhadap orang² Perikatan yang samacham itu, tentu-lah mereka akan merasa sedeh. Tetapi saya tidak hairan, orang² Perikatan, bila parti lain menang, dia lari masuk—dia tidak akan susah di-segi badan dan di-segi jiwa dia—menang parti-nya dia lari masuk. Tetapi, kami di-dalam PAS tidak lari, sebab itu-lah kami susah.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak simpul lagi, ia-itu akhir perkataan-nya lagi, ia-lah barang siapa melulus Rang Undang² ini bererti-lah dia menolong sama menguborkan bahasa kebangsaan dan menolong menguborkan bangsa Melayu-nya, ia-itu bangsa-nya sendiri. Dan sejarah akan menchatet dan kita akan lihat mereka itu pada hari yang lain.

Mr Deputy Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 5.57 p.m.

Sitting resumed at 6.25 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Tuan Chew Biow Chuon (Bruas):

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukacita dan juga sangat bangga kerana telah di-beri peluang untuk berchakap sa-kali lagi di-dalam Dewan yang mulia ini. Bahawa saya sa-bagai ahli yang baru tentu-lah tidak begitu bijak dan juga maseh kurang mendapat ilham saperti ahli² yang lama. Sunggoh pun begitu namun saya suka juga mengambil peluang yang berharga ini untuk berchakap sedikit sa-banyak pendapat saya atas Rang Undang² Bahasa Kebangsaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1967 ia-lah tahun yang pertama bagi semua ra'ayat Malaysia akan menggunakan terus mengamalkan bahasa kebangsaan ini dengan sa-penoh-nya dalam semua bidang, terutama di-semua pejabat² dan jabatan² Kerajaan. Saya suka mengambil kesempatan ini memberikan sokongan 100% atas usaha Kerajaan itu. Kerana saya berasa negara kita sangat-lah mustahak mempunyai satu bahasa yang boleh difahami dan senang di-tutori oleh segala lapisan ra'ayat yang berada di-dalam negara kita ini supaya mereka² itu dapat berchakap dan berhubung di-antara satu sama lain serta mempereratkan lagi persahabatan di-antara satu bangsa dengan satu bangsa.

Saya dapat tahu sa-hingga kapada hari ini segala kepentingan² untuk memenohi sudut² yang di-perlukan dalam memperlengkapkan diri untuk menchapai taraf bahasa kebangsaan telah pun hampir² di-bereskan dan hanya menunggu sa'at di-rasmikan. Kita patut menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh atau tahniah kapada ahli² sastera dan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana usaha² dan susah payah mereka untuk menyusun dan mengeluarkan istilah² dan perkataan² baru untuk memperlengkapkan dalam bidang persuratan, sastera, sa-terus-nya kapada teknik, kejuruteraan, sains dan sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, bersama² di-sini saya suka mengambil peluang yang berharga ini menyeru dan meminta kapada semua ra'ayat terutama kapada orang² Tiong Hwa dan juga orang² India mari-lah kita bersama² mempelajari bahasa kebangsaan dengan bersungguh² supaya menyesuaikan diri kita sa-bagai warganegara yang ta'at setia kapada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah menyatakan tadi di-negeri Ceylon bahasa Tamil boleh di-gunakan tetapi kita jangan lupa di-dalam negeri itu tumpah darah telah berlaku. Oleh kerana itu saya perchaya ra'ayat dalam negeri ini akan tidak di-pengarohi oleh ucapan beliau tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua, di-samping saya memberikan sokongan sa-penoh-

nya kapada penggunaan bahasa kebangsaan ini, maka saya juga suka berharap supaya bahasa² lain di-bebas-kan seperti keadaan yang biasa dan berharap menggunakan bahasa² itu sa-chara yang lebeh luas atau sa-chara yang lebeh liberal supaya sa-bilangan besar penduduk² di-dalam negeri kita fahami akan polisi² atau maksud² notis² yang di-keluarkan oleh Kerajaan kita. Ini tidak-lah mengganggu dan menentang polisi² penggunaan bahasa kebangsaan. Bahkan akan memelihara hak² asasi semua bangsa yang tinggal dan bermastautin di-dalam negeri kita ini sa-laras dengan dasar demokrasi yang kita amalkan.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong 100%. Rang Undang² Bahasa Kebangsaan yang telah di-bentangkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri kita dalam Dewan pagi ini kerana saya rasa Rang Undang² ini sangat-lah adil dan berpatutan serta boleh membawa perpaduan dan keamanan di-dalam negara kita ini. Sekian ucapan saya, terima kaseh.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya mengambil bahagian sedikit di-dalam perbahathan Dewan ini mengenai Rang Undang² Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Rang Undang² ini mendapat tempat yang istimewa di-dalam Dewan ini. Dan saya perchaya dia akan lama mengekori dalam masharakat kita sama ada dia akan berhasil atau pun tidak. Kami di-sabelah sini telah pun menyatakkan pendirian kami ia-itu menentang Rang Undang² ini bukan kami menentang bahasa kebangsaan. Tetapi, kami menentang bahasa kebangsaan yang akan di-laksanakan di-dalam negeri ini mengikut Rang Undang² yang ada di-depan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai satu keistimewaan yang tersendiri bagi orang lain dan kadang² bagi kita sendiri kalau kita mempelajari negeri kita sendiri hendak-lah chara pandangan yang tersendiri. Erti-nya istimewa kita di-sini bukan, kerana lebeh baik daripada tempat² orang lain

atau pun lebih burok daripada tempat² orang lain. Kita selalu dudok dalam keadaan yang serba salah akibat daripada ada-nya berbilang bangsa dan berbilang bahasa serta berlainan pendirian. Maka dengan ada-nya berlainan di-dalam soal ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, timbul satu pertentangan di-dalam masyarakat yang masing² masyarakat kelompok kecil itu mengharap²kan sa-suatu akan di-dapati dari perjuangan-nya sa-chara diam atau pun sa-chara berterus terang.

Perjuangan hak politik, Tuan Yang di-Pertua, sa-telah negara kita merdeka pada tahun 1957 dan penerimaan negara ini kepada Perlembagaan yang ada pada kita pada hari ini maka kita orang² Melayu sa-chara hati kecil walau pun kita terdiri daripada mana² badan politik baik dari UMNO sendiri, orang PAS sendiri atau pun di-mana sahaja ra'ayat di-dalam ini maseh ada di-dalam diri dia darah dan lendir Melayu dia merasa sa-suatu hadiah telah pun di-belah bagi. Erti-nya orang Melayu sa-chara mutlak bangsa Melayu yang telah di-takdirkan oleh Allah subhanahu wataala ada di-dalam negeri ini. Yang mana sa-lain daripada negeri ini tidak ada lagi bangsa Melayu dapat menileki walau pun sa-buah pulau yang kecil bahawa negeri-nya hanya satu²-nya di-kurniakan oleh Allah telah pun tidak mutlak menjadi hak mereka.

Kita sa-bagai tuan punya dalam negeri ini dan satu lagi puak lain, tegas-nya bahasa China ada di-dalam negeri ini dan dua puak ini merupakan dua kaum yang hampir sama besar kekuatan-nya, baik kekuatan di-dalam segala apa sahaja, yang lebih dekat daripada kekuatan itu ada-lah dari segi pendudok manusia. Tetapi kedudukan sama berat dan sama besar antara orang² Melayu dengan masyarakat orang² China dalam negeri ini saya yakin dan saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai maksud² yang tertentu, kami bagi orang Melayu—baik kita sekarang ini berlainan di-dalam soal kepertaian dan pandangan masa hadapan tetapi kita meliputi atau pun kita—ada satu semangat yang tersembunyi di-dalam diri kita sendiri dan kita katakan terus-terang kepada semua bangsa yang ada di-dalam negara kita, bahawa

kita mahu sa-tidak²-nya bangsa Melayu dapat mempertahankan diri sa-lama bangsa Melayu ada di-dalam negeri ini sa-lama dunia Allah ada sa-belum daripada datang-nya kiamat. Bagi masyarakat lain tidak mustahil sama sahaja dengan pendirian kita. Mereka mahu mempertahankan sa-suatu yang ada di-dalam masyarakat mereka, di-dalam pendirian mereka dan di-dalam pandangan mereka.

Di-dalam saat yang tertentu, Tuan Yang di-Pertua, boleh orang² Melayu, orang² China, orang² India bekerjasama kerana sama² kita menuju satu titik persamaan tetapi kita mempunyai satu garisan² yang berlainan—kita mempunyai 3 baris yang parallel tetapi daripada bawah untuk menuju ka-tengah sama² kita boleh menuju—umpama-nya orang Melayu mahukan kemerdekaan di-dalam negeri ini, mahu kema'amoran di-dalam negeri ini, mahu sa-suatu yang di-kehendaki oleh orang Melayu sa-lama beberapa tahun mereka itu tertindas dalam masa penjajahan. Maka dia boleh bertolak ansor di-dalam masa² yang terbatas itu dengan bangsa lain yang kebetulan juga mempunyai maksud² yang tertentu, orang China pun dia tahu, dia sudah lama dudok di-dalam negeri ini, dia juga mahu keamanan, mahu kema'amoran, mahu kemerdekaan. Maka di-dalam sama chita² itu di-dalam perengkak tertentu, di-dalam masa tertentu, saya perchaya Perikatan akan berhasil di-dalam soal ini tetapi tidak sa-lama²-nya, Tuan Yang di-Pertua. Gara² perpaduan di-dalam ikatan Perikatan itu sendiri daripada process sejarah-nya, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita lihat dari satu masa ka-satu masa.

Tahun 1957 hampir sa-penoh-nya dapat di-katakan bahawa seluruh orang Melayu dalam masyarakat orang tidak Melayu dalam negeri ini boleh bekerjasama sa-hingga baik di-dalam Dewan Undangan Negeri atau pun waktu Dewan Undangan Persekutuan di-liputi oleh Parti² Perikatan sahaja. Apabila melangkah agak lebih lama sedikit masing² hak sudah sedikit sa-banyak kita sana² kumpul maka akan timbul-lah kehendak di-dalam proportion itu lebih atau kurang. Sampai tahun 1959 kekuatan cohesive di-dalam tenaga

Perikatan sendiri telah pun berubah rupa kerana ada-nya perasaan bebas dapat di-lahirkan, ada-nya kenyataan² masharakat yang tidak memuaskan, tahun 1959 Perikatan merosot walau pun percentage-nya tidak begitu banyak. Tahun 1964 walau pun Perikatan mendapat kemenangan di-dalam pilihan raya 1964 baharu² ini tidak boleh kita ukor bahawa ikatan perpaduan semua bangsa di-dalam negeri ini yang ada di-dalam Perikatan sendiri yang menjadi model, yang menjadi chontoh, bahawa di-dalam Perikatan negeri ini dapat hidup aman ma'amor itu ada-lah satu kekuatan logik-nya kita mengatakan bahawa Perikatan itu dan kerjasama ra'ayat di-dalam negeri ini boleh di-teruskan dan ini ada-lah harus sa-lama²-nya menjadi pattern bahawa kerjasama dalam negeri ini dapat di-lanjutkan sampai 1,000 atau 100 tahun lagi, bertambah-nya pengundi² baharu hampir 2 juta bangsa asing yang dapat menjadi warganegara sa-lama lebeh daripada 10 tahun Perikatan dapat memerintah negeri ini faktor² itu, Tuan Yang di-Pertua, dapat mengisi, dapat memberi satu gambaran sementara kepada masharakat, baik orang Melayu atau masharakat orang China bahawa kita mahu menanti satu masa lagi sebab belum penoh optimum-nya belum penoh, belum sampai kepada titek efficiency.

Tetapi apabila berlumba dalam masharakat yang di-beri kebebasan di-dalam Perlembagaan, semua bangsa di-dalam negeri ini ada-lah bebas mengejar kepentingan-nya dan tidak dapat di-ganggu baik dia jenis apa sa-kali pun asalkan dia manusia dapat warganegara dalam negeri ini dia boleh dapat kebebasan dan di-jamin oleh undang². Di-dalam ekonomi kita mendapat satu pertentangan yang hebat. Usaha² Kerajaan Perikatan untuk mendekatkan antara orang yang berada dan tidak berada—between the haves and have-nots, saya berpendapat dan masharakat ramai berpendapat, belum lagi kita berhasil dan tegas yang mempelopori di-dalam bidang ekonomi sa-ratus peratus duduk di-dalam tangan orang tidak Melayu. Akibat daripada tidak ada-nya garisan dekat antara orang yang kaya dengan

orang yang miskin yang kebetulan-nya pula, Tuan Yang di-Pertua, berlainan puak, lebeh chepat menchetuskan semangat perpechahan sa-kira-nya kita selalu mengatakan ini mu sa-bagai orang Melayu di-dalam negeri ini. Itu orang Melayu datang di-dalam negeri mu, bukan dia dapati wang daripada Hong Kong umpama-nya ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah satu maksud untuk menaikkan semangat perkauman.

Sa-bagai satu chontoh yang perkara itu dapat di-lahirkan dalam masharakat baik sa-chara sengaja atau tidak; dia bukan wang dari Ceylon dan bukan mendapat sa-suatu daripada negeri luar, tetapi dia dapati sa-suatu di-dalam negeri ini maka terasa-lah bagi orang yang merasakan diri dan dia Melayu kuat perasaan Melayu, "Aku sa-bagai tuan punya di-dalam negeri ini, aku-lah sa-patut-nya-lah hak aku di-dalam negeri ini, tetapi mengapa aku menjadi hamba abdi di-dalam negeri aku orang lain menumpang di-dalam negeri aku menjadi raja—bermaharaja-lela." Ini akan timbul perasaan walau pun kita tidak mahu menyatakan sa-chara tegas.

Di-sebabkan dari segi itu, Tuan Yang di-Pertua, kita kadang² dapat melenyapkan sedikit perasaan kita kerana kita mahu keamanan, ke-ma'amoran dengan kebaikan bagi kita sendiri. Sifat tolak ansor kalau di-dalam soal bidang itu sahaja mungkin boleh di-ubat kerana kita perchaya dengan satu polisi Kerajaan dengan memberi angan² fantastic yang mengharapakan pada satu sama rata sama rasa walau pun kita menuju sampai satu fahaman kominism atau pun socialism tetapi perasaan ra'ayat apabila sudah di-beri tahu oleh Kerajaan dengan alat² penerangan Kerajaan dengan chara sharahan atau pun lain² lagi membuatkan masharakat boleh bertenang untuk sementara waktu, tetapi kita bukan hanya menempoh dalam masalah ekonomi yang di-antara kita, jurang kita dan jurang orang lain itu jauh, kita menempoh satu masalah yang lain lagi yang lebeh complex lagi masalah pendidekan dan para intellectual yang akan menentukan ka-mana arah kita akan menuju.

Tiap² hari, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan orang Melayu—kebetulan

dia manusia Melayu, kebetulan alam orang Melayu—boleh jadi kerana takdir begitu-lah Melayu—bukan kita hendak merendahkan orang Melayu mungkin nasib kita begitu, kita sudah berubah dan kita mahu kepada perubahan itu, tetapi kita tidak dapat membuat perubahan itu, orang lain dapat melintasi kita, walau pun kita berbangga ada orang yang lulus University yang dahulu tidak pergi University, walau pun kita banggakan bahawa sa-orang Melayu ada yang menjadi doktor, loyar dan engineer, tetapi dalam soal itu, orang pun sama dengan kita juga mendapat hak itu. Kalau orang Melayu lulus di-dalam ilmu engineer orang lain lulus juga dalam ilmu engineer. Dalam erti proses kemajuan, yang kita kejar, orang lain kejar, bahkan proses orang lain lebih banyak daripada kita. Saya kata lagi, kita akan menuju satu lagi complex dalam soal ini.

Apa yang lebih penting, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam masalah hak politik dan manusia di-dalam negeri ini sendiri ia-lah kerana kita mempunyai asas demokrasi dan Perlembagaan kita ada-lah sa-buah Perlembagaan demokrasi. Kita tahu kita tidak boleh hendak sembunyikan perkara itu, hanya kita mahu melahirkan atau tidak.

Kelahiran orang² Melayu di-dalam negeri ini agak berkurangan kalau dibandingkan dengan kelahiran dengan bangsa² lain. Kematian orang² Melayu di-dalam negeri ini mungkin lebih banyak daripada orang lain, tetapi manusia terus beranak, Tuan Yang di-Pertua, masyarakat terus berjalan, undang² demokrasi terus di-junjung oleh dunia dan boleh jadi terus di-junjung oleh kita, dan akan kita mempertahankan sa-habis²-nya demokrasi yang di-beri hak satu orang satu undi. Dia tidak kira, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam masalah undi sama ada kita dapat memberi makanan kepada semua orang, sama ada dapat kita memberi motokar dan rumah kepada semua orang, tetapi undi tiap² orang kaya, miskin, besar, kecil, dapat memberi satu undi. Peluang yang kita buka kepada warganegara sekian kita beri, kedudukan kita sendiri dan aspek² lain yang kita hadapi ini tidak

memungkinkan, Tuan Yang di-Pertua, bangsa Melayu di-dalam negeri Melayu akan lenyap sa-lama²-nya, kita akan lenyap.

Bill ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah akibat daripada tolak ansor sa-bagaimana kata rakan saya dari Pasir Puteh tadi. Kita telah menerima satu macham tolak ansor yang mana sikap tolak ansor kita itu, kita tidak membuat sa-suatu supaya orang lain sama dengan kita bertolak ansor. Tolak ansor di-dalam benda ini, tolak ansor di-dalam perkara ini, akibat-nya kita hanya boleh berchakap sekarang ini, boleh kita menjadi ahli² Dewan Ra'ayat hari ini, tetapi satu masa kelak kita tidak tahu siapa, siapa akan duduk di-sini, siapa akan menentukan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya di-dalam masyarakat berbilang bangsa seperti kita ini yang penoh di-dalam segala aneka ragam chita², masyarakat yang serba gelisah, sa-suatu yang bersipat tolak ansor itu ada-lah baik. Tetapi kita jangan lupa, kadang² dengan terlampau banyak tolak ansor akan lebih banyak pengurbanan sa-suatu pihak di-dalam masyarakat itu, sa-kali sa-kala ketegasan di-perlukan di-dalam masyarakat seperti kita ini. Tuan Yang di-Pertua, penegasan perlu sa-kali sa-kala. Bagi pandangan saya bahasa kebangsaan ta' boleh kita bertolak ansor, kalau kita tidak mahu lebih lama lagi menghadapi perpechahan di-masa depan, kita mesti tegas dan ini-lah yang di-kehendaki oleh kami, bahawa kami tidak menerima Rang Undang² Bahasa Kebangsaan bukan-lah kami tidak mahu menerima bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan, tetapi kani tidak mahu menerima satu chara yang terlampau banyak bertolak ansor sehingga kedudukan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan itu sendiri maseh boleh di-tolak ansorkan baik di-dalam segala hal.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa hadapan boleh jadi kita akan mendapat sa-suatu malapetaka besar di-dalam negara kita. Di-sebelah sana, Indonesia, dia mempunyai satu keturunan sama dengan kita, boleh jadi ada

masyarakat di-dalam negara ini ada persamaan sama dengan kita, boleh jadi ada masyarakat di-dalam negara ini ada persamaan tujuan atau pun chita² dengan masyarakat di-sana. Di-sebelah sana ada satu lagi bangsa lain tetapi hampir sama tujuan dan chita² dengan kita ia-itu Philipina. Kita berada di-dalam negara kita, orang lain berada di-dalam negeri lain, tetapi dia maseh dekat dengan kita, Tuan Yang di-Pertua. Sa-suatu kejadian bertentangan di-dalam negeri ini bagi masa ini dan bagi dunia serba moden ini kita tidak mengelak ada-nya champor tangan orang² lain, dan sa-kira-nya waktu itu, dan tidak menudoh mana² pehak kerana ini ada-lah satu *social course*, tenaga masyarakat, boleh jadi, kalau kita tidak meminta mereka, mereka minta beri kepada kita. Kalau kita tidak mahu melakukan sa-suatu yang kachau dalam negeri ini boleh jadi orang lain membuat kachau, ketika kita lemah, waktu itu banyak hal yang mungkin terjadi di-dalam negara kita.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sa-belum sa-suatu terjadi lebeh burok, saya menyeru kepada seluroh masyarakat bangsa Melayu dan saudara² Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini, mari-lah kita berfikir sa-kali lagi di-dalam soal kita, walau pun dudok di-mana parti dan di-dalam pandangan apa sahaja politik yang kita hadapi, hendak-lah kita menegaskan yang bahasa Melayu mesti dan harus berada di-dalam negeri ini sa-lama²-nya.

Sebab itu, saya mengharap-kan-lah, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini dapat di-kaji balek oleh pehak Kerajaan supaya benar² bahasa Melayu dapat di-laksanakan sa-bagai satu bahasa tunggal, bahasa yang tidak dapat bertolak ansor lagi dengan bahasa² lain sa-hingga bahasa ini menjadi satu chita², menjadi satu *symbolic* bahawa sa-nya orang Melayu asal di-dalam negeri ini ada, kerana bahasa Melayu sudah menjadi bahasa kebangsaan. Kalau tidak, kita pada satu hari, bangsa kita hilang, hak kedaulatan kita hilang, sa-suatu pun kita akan hilang dalam negeri ini sa-lama²-nya. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin

(Lipis): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh, kerana saya di-beri peluang beruchap dalam perbahathan Rang Undang² Bahasa Kebangsaan ini yang mana sedang di-bahathkan di-dalam Dewan dan Rumah yang mulia ini. Maka dengan ada-nya Rang Undang² ini di-bahathkan, di-bentangkan di-dalam Dewan ini ia-lah mengkaji, menimbangkan dengan perasaan yang terbuka.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana terang-nya bintang dan bulan di-langit, maka bagitu-lah terang-nya chita² Kerajaan yang memerintah hari ini menepati janji-nya untuk menjadikan bahasa Melayu, atau bahasa kebangsaan, bahasa rasmi yang tunggal dalam negara kita ini pada 1 September, 1967. Enam pernama sahaja lagi tuan, kalau lulus Rang Undang² ini, kita akan meletakkan kembali takhta kebangsaan, bahasa kebangsaan, di-atas punchak kemerchuan menguasai sa-mula tanah ibunda negara kita, menggantikan bahasa Inggeris. Maka sama-lah pada himat saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan kemerdekaan bahasa di-zaman Sri Wijaya, zaman Empire Melayu Melaka pada kurun yang ka-15 dahulu, zaman mana bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan, bahasa rasmi dalam semua lapangan. Jadi, pada ketika hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-bagai keturunan Melayu memperjuangkan bahasa sa-telah saya mengenal dunia lebeh 20 tahun dahulu dan perjuangan bahasa ia-lah yang paling hampir dengan jiwa hati saya. Dengan lulus-nya Rang Undang² ini bahawa kita telah menebus pesaka—pesaka kebangsaan memperwujudkan bahasa rasmi yang tunggal dalam negeri ini.

Saya yakin dan perchaya dengan sokongan yang di-terima baik oleh semua kaum, kita dapat meluluskan Rang Undang² ini. Tidak-lah saya di-katakan bachul jikalau saya menyokong Rang Undang² ini, tetapi keturunan saya berasa bangga bahawa warith-nya ia-lah orang yang satu²-nya menyokong meletakkan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi dalam Dewan yang mulia ini. Akan pejam-lah

mata saya. Tuan Yang di-Pertua, setelah saya berchakap menyokong bagi mewujudkan undang² ini atau Rang Undang² ini, boleh membolehkan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal apabila saya sudah tidak ada dalam dunia dan alam yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus menguji kepintaran pemimpin kita. Negeri Ceylon bertumpah darah dengan soal bahasa, sa-kali pun kata wakil Ipoh membolehkan bahasa lain, bahasa Tamil, tetapi pertumpahan darah inilah yang kita utamakan. Bahawa sa-nya dengan kita luluskan pada hari ini, tidak sa-titek darah pun tumpah di-negara kita ini di-samping kita meletakkan pada tempat yang sa-betulnya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada sahabat saya, keturunan Melayu yang ada dalam Dewan ini, kita harus mengulang, mengkaji, memikirkan zaman yang lampau, zaman penjajah mena'loki negara kita ini silang berganti daripada satu kapada satu; zaman tenggelam-nya kapada *The Fame* yang penoh dengan buku² dan pustakaan Melayu di-telan laut di-lautan tedoh. Zaman muram telah tiba. Pengaruh bahasa dan kebudayaan Inggeris mengambil tempat di-negara kita ini, bukan sahaja menjajah, tetapi menjelajah pada jiwa dan hati ra'ayat ini dengan mengunsorkan bahasa dan mengambil tempat perasmian di-dalam pemerentahan. Akar unbi bahasa Inggeris ini, Tuan Yang di-Pertua, tumbuh begitu kuat dalam negara kita ini sa-akan² kita terasa bahawa sa-nya tanah ayer kita ini sa-bahagian dari wilayah United Kingdom.

Pelajar ra'ayat kita pada waktu itu yang berpendidikan Inggeris yang tidak terasoh dengan chita tanah ayer, sa-tengah²-nya terganaak berperasaan Inggeris lebeh daripada Inggeris sendiri dan perkembangan bahasa Melayu pada waktu itu sa-bagai kerakap tumbuh di-batu, hilang ka-agongan bahasa, bahasa yang menjadi bahasa perantaraan di-Alam Melayu, waktu itu, Tuan Yang di-Pertua, ibarat sa-buah istana tinggal di-ambang yang terbiar, tetapi kepentingan penjajahan Inggeris,

unipama-nya, telah membawa sa-bahagian bangsa dan masharakat katanah ayer kita ini. Dengan kebebasan menggunakan bahasa ibunda-nya dalam penghidupan hari² dan berkembang biak-lah daripada satu masa ka-satu masa dan dari satu zaman ka-satu zaman, maka ini-lah satu pesaka yang kita terima daripada penjajah, tidak boleh-lah kita menapiakan bahawa kerana kepentingan Inggeris, maka mereka itu datang ka-sini dan hari ini sudah menjadi ra'ayat kita; saudara yang sama membantu mendapatkan kemerdekaan, mengekalkan keamanan dan sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham dan saya mengerti ucapan wakil daripada Bachok, entah-lah kerana saya ini tidak begitu tinggi bahasa Melayu-nya atau kerana tinggi sangat bahasa Melayu-nya—wakil daripada Bachok itu mentafsirkan Bill ini dalam segi undang²-nya sa-hingga saya sendiri tidak mengetahui dan memahami apa-kah isi ucapan dari pentafsiran undang² ini, saya fikir berapa banyak loyar dalam Dewan ini bersefahaman dengan pendapat saya. Apa yang saya dengar dengan sah bahawa sa-nya kalau Bill ini di-luluskan, maka berkubor-lah bangsa Melayu dan bahasa Melayu. Alang-kah aneh dan sa-balek pendapatan. Kami dari sa-belah sini tidak juga kurang kebangsaan-nya, kalau tidak kami menepok kami lebeh, tetapi kami tidak mengaku kami kurang dari-nya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak meluluskan Bill ini. Tuan Yang di-Pertua, atau wakil Pasir Puteh menempohkan sa-puloh tahun lagi—ini-lah kunchu yang menguborkan, meletakkan merchu bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi. Tuan Yang di-Pertua, jadi dari apa yang di-sebutkan oleh wakil² PAS tadi, bahawa sa-nya Rang Undang² ini mestilah di-tarek kembali, kesimpulan-nya, Tuan Yang di-Pertua, PAS mengambil kesempatan daripada Bill ini, daripada Rang Undang² ini, dengan sa-chara tidak langsung, menjatuhkan maruah Perikatan atau Kerajaan yang ada hari ini pada mata bangsa Melayu dan

keturunan Melayu di-negeri kita. Kesempatan ini-lah yang di-kehendakinya untuk mengembeleng sa-mula tenaga-nya di-Kelantan yang ia-nya tahu masa-nya akan tiba bagi-nya mengundorkan diri di-Kelantan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah ter-nyata dan terang dalam Bill ini. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan terjemahan suratan atau suratan rasmi dalam bahasa mana² kaum dalam Persekutuan, untuk apa² maksud yang di-fikirkan perlu bagi kepentingan 'awam, bagaimana tersurat dalam Clause 3 ini, tidak-lah membimbangkan. Apa-tah lagi mengatakan kita memberi tempat pada wujud-nya bahasa yang berbilang kaum. Kalau pun ada bahasa² lain daripada bahasa kebangsaan di-gunakan, maka penggunaan terjemahan bahasa² lain itu hanya-lah di-lakukan jika di-pandang mustahak untuk membuat perhubungan dengan orang ramai, sedang bahasa asal-nya mesti-lah di-dalam bahasa kebangsaan. Terang-lah pada kita, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bahasa² lain itu tidak di-pergunakan dalam membuat sa-barang perhubungan rasmi. Jadi, di-sini besar kemungkinan terjemahan ini juga akan lenyap nanti pada akhir-nya bila mana semua ra'ayat yang berbilang kaum di-negeri ini dapat mempelajari dengan baik, apa-tah lagi dapat menguasai bahasa kebangsaan, sudah tentu terjemahan yang sa-umpama ini tidak di-kehendaki dan di-perlukan lagi. Telahan saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak akan meleset, bila mana nilai ekonomi yang akan di-beri kepada bahasa kebangsaan itu bersifat bahasa rasmi yang tunggal dalam negeri ini di-perlaksanakan. Apa-kah nilai²-nya lagi yang akan di-nilaikan? Ini-lah ucapan wakil PAS Pasir Puteh. Mari-lah kita luluskan Bill ini dahulu, Rang Undang² ini dahulu, baharu-lah kita boleh menceritakan nilai² ekonomi yang kita akan lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, jadi tambahan kepada kelulusan bahasa kebangsaan kita ini, menjadikan syarat utama bagi mendapatkan sijil² pelajaran negeri ini, dan kanak² kita mengaji di-sekolah² di-

sharatkan belajar bahasa kebangsaan mengikut dasar pelajaran kita, maka tidak shak lagi gulungan lain² kaum yang mengetahui bahasa kebangsaan ini, jumlah-nya makin besar dan makin bertambah daripada masa ka-samasa. Jadi, apa yang harus di-bimbangkan itu, tidak akan timbul. Apa-tah lagi kalau ada gulungan yang menudoh pemimpin UMNO yang merangkan Rang Undang² ini menyeleweng dari dasar-nya. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu tuduhan yang liar yang di-dalam-nya tersembunyi maksud² yang terlindung. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menahani mulut dan lidah-nya dan boleh-lah mereka itu mem-perkatakan, tetapi pertimbangan yang 'adil harus-lah di-adakan dengan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tersibar-nya Rang Undang² ini, memang ada gulungan yang tertentu dalam keturunan kita, dalam membahatkan samasa mereka, istiadat perkabongan—berdiri tegak beberapa minit tanda hapus-nya bahasa Melayu, dengan sebab Rang Undang² ini di-luluskan nanti. Di-dalam Dewan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, pehak Pembangkang menudoh apabila Bill ini di-luluskan, maka ini-lah padah-nya—penguboran bangsa Melayu dan bahasa Melayu. Sama sahaja, Tuan Yang di-Pertua, thema di-luar thema di-dalam. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, mengingat balek Bill Undang² Keselamatan yang di-luluskan dalam Dewan Parlimen kita dahulu, maka ada parti² politik yang berkabong, mengibar bendera hitam tanda mati-nya demokrasi di-Malaya pada waktu itu. Tetapi keadaan sudah terbalek, Tuan Yang di-Pertua, demokrasi terus hidup, di-pelihara dan di-pupok dengan baik-nya, sa-bagaimana bukan sahaja Ahli Yang Berhormat ini tahu, tetapi dunia mengetahui bahawa sa-nya negara kita ada-lah sa-buah negara yang menjalankan dasar demokrasi. Jadi bagitu-lah juga pula hendak-nya pandangan² kepada keturunan kita yang saya katakan tadi berhubung dengan ada-nya Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka di-sini-lah terletak-nya ke'adilan Kerajaan

dalam usaha memupok rasa perpaduan dan keutuhan negara yang harus di-timbangkan masak² oleh ra'ayat dan oleh kita semua. Perjalanan kita maseh jauh, Tuan Yang di-Pertua, dan perjuangan kita belum selesai, kerana kita ada mempunyai matalamat yang tertentu dalam perjuangan kita. Hanya kita berharap, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tangan² yang tidak bertanggung-jawab akan merosakkan kenderaan yang akan kita lalukan.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan lulus-nya Rang Undang² ini, kita mendapat satu sinar baru, nafas dan nyawa yang baru dalam perkembangan nilai dan mutu bahasa kebangsaan kita. Bahasa Melayu di-Alam Melayu ini berkibar dengan megah-nya dan dengan atas keperchayaan, maka dengan asas² yang saya nyatakan itu, dengan berkat dan hati yang bulat saya menyokong Rang Undang² ini di-luluskan. Biar-lah masharakat atau pehak Pembangkang mengatakan bahawa saya-lah sa-orang daripada-nya yang akan menguborkan bangsa Melayu atau bahasa kebangsaan, tafsiran ini boleh kita tafsirkan mengikut istilah masing², tuan. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan lulus-nya Rang Undang² ini akan kita letak balek kapada tempat-nya bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang tunggal.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan, saya memohon berhenti.

The Minister for Local Government and Housing (Tuan Khaw Kai-Boh): Mr Speaker, Sir, I rise to support the Bill before this House. The salient features of this Bill had been already outlined before this House, when the Bill was proposed by the Honourable Prime Minister and seconded by the Honourable Minister of Finance, and I would only be repeating if I go over them again.

The Alliance leaders have always asserted that, on the matter of language and culture, it is imperative to make a clear distinction between the dictates of national identity and the practical advantages of socio-

commercial intercourse. There is no room for denial about the absolute need to have a national language to unify the various races of people into a Malaysian nation. The policy to make the national language the sole official language has, therefore, become a national commitment, which permits no dissension. This national commitment is accepted by all Malaysians irrespective of their racial origins. In this Bill, formal recognition is given to the paramuncy of the Malay language as the national language and the official language.

The high place of the national language is accepted by all, yet the traditional freedom and the liberalism of our society is continued in respect of the teaching, learning and usage (other than for official purposes), of other languages. These constitutional safeguards are reiterated in this Bill without, in any sense, detracting from the sovereign position of the national language. For purposes deemed necessary in the public interest, for example, so that the Government policies and directions can be better understood, followed and implemented, translations of official documents or communications in the language of any other community in the Federation can be used.

This Bill has, therefore, nailed a lie to that School of chauvinistic opinion that other languages and cultures would be heading for eventual oblivion when Malay is proclaimed the sole national and official language in September, 1967. This Bill should dispel once and for all the fears that other languages would be ousted. As true Malaysians we should let it be known that the promotion of Malay to the status of being the national and sole official language of this country provides a pivotal means of fostering inter-racial understanding and national consciousness.

This Bill is another typical example of the practical, liberal, realistic and understanding manner with which the Alliance Government handles delicate issues such as this under the wise and sober leadership of our beloved Prime

Minister. This Bill should receive the full support of all loyal citizens of Malaysia and to spur them on to greater efforts in mastering the language of the Malaysian nation and to put it into general use.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, hari ini di-bentangkan dalam Dewan ini sa-buah Rang Undang² perlaksanaan bahasa kebangsaan yang hendak di-rasmikan pada 1 haribulan September, 1967 ini. Rakan saya dari Pasir Puteh telah berchakap menerangkan satu persatu-nya masalaah yang bersangkutan paut dengan bahasa kebangsaan ini. Masalaah yang bersangkutan paut dengan sejarah perjuangan bahasa kebangsaan ini ia-lah masalaah yang bersangkutan paut dari segi sejarah dalam masalaah perjuangan mendaulatkan bahasa kebangsaan ini.

Rakan saya dari Pasir Puteh, dalam sa-panjang ucapan-nya, telah, dengan terang², menyatakan bukan keseluruhan Rang Undang² itu yang kita tentang tetapi fasal² yang ada dalam Rang Undang² itu-lah yang telah menchachatkan niat suchi tiap² anggota dalam Dewan ini untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan ini. Fasal No. 3, Fasal No. 4, Fasal No. 5 dan Fasal No. 6. Fasal² ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan terang² saperti apa yang telah di-ucapkan oleh saudara saya dari Pasir Puteh itu, telah menchabol, telah menyeleweng dari chita² asal mendaulatkan satu bahasa yang tunggal dalam negara kita ini.

Saya tidak tahu kalau ada lagi arti tunggal ini empat, kerana tiap² yang bernama tunggal ini satu, bukan empat. Ini-lah maksud ucapan itu. Dengan Rang Undang² ini telah terang² menentang niat perkataan tunggal itu di-bandingkan dengan Rang Undang² ini, telah menyeleweng dan dari ucapan Ahli Yang Berhormat rakan saya dari Pasir Puteh ini telah digunakan dengan sa-chara pusingan oleh wakil dari Kuala Trengganu Utara yang memberi pentafsiran yang salah dan berkata-lah beliau bahawa Yang Berhormat Ahli dari Pasir Puteh

ini menentang Rang Undang² dalam hendak melaksanakan bahasa kebangsaan ini.

Demikian juga ucapan Yang Berhormat saudara saya dari Kuala Lipis, yang mengatakan Yang Berhormat dari Pasir Puteh ini menchadangkan supaya bahasa Inggeris itu di-lanjutkan pemakaian-nya 10 tahun lagi sa-lepas 1 September tahun 1967 ini. Sedangkan kita semua dapat mendengar, Tuan Yang di-Pertua, tidak sa-patah pun rakan saya dari Pasir Puteh ini meminta supaya pelaksanaan bahasa Inggeris ini di-lanjutkan. Bukan! Tetapi dalam ucapan beliau tadi mengatakan mengapa Fasal 4 ini di-adakan dalam Rang Undang² ini? Sedangkan dalam Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau pun Persekutuan Malaysia ini telah terang² mengatakan sa-lepas 10 tahun merdeka, Parlimen boleh-lah membuat ketentuan sama ada bahasa Inggeris itu hendak di-teruskan atau pun di-hapuskan sama sa-kali pemakaian-nya dalam segala bidang. Inilah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu berchakap. Mengapa perlu di-masokkan lagi Fasal 4 ini yang dengan terang², dengan tidak pun memberi satu tempoh yang tertentu, di-berikan kuasa ini ka-tangan ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di-lanjutkan untuk apa² maksud rasmi yang di-fikirkan patut dengan tidak di-tentukan bila fasal yang keempat ini akan di-hapuskan?

Yang Berhormat saudara saya dari Kuala Lipis tadi telah berkata besar kemungkinan terjemahan ini juga akan di-hapuskan. Berarti Yang Berhormat itu sendiri tidak yakin chuma besar kemungkinan boleh jadi di-hapuskan, boleh jadi tidak. Besar kemungkinan Fasal yang keempat ini akan di-hapuskan atau tidak di-hapuskan—itu bergantung-lah ka-tangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sa-bagai kepala negara yang berperlembagaan, Duli Yang Maha Mulia akan sentiasa

menerima nasehat² dari Perdana Menteri atau Juma'ah Menteri, dan ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang di-semangatkan sangat perchakapan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lipis itu. Kami ini-lah pejuang dengan bangga-nya akan meluluskan Rang Undang² ini. Tidak kurang semangat kebangsaan yang ada pada kami ini. Kami ini-lah yang memperjuangkan kemerdekaan. Ia, kita akui itu semua. Tetapi tolong-lah beritahu kepada saya sa-kurang²-nya atau di-beritahu kepada orang ramai sa-kurang²-nya atau di-beritahu kepada Ahli² Dewan ini apakah satu yang bernama Melayu dalam Malaysia ini yang telah di-selamatkan oleh UMNO? Tak mahu banyak, Tuan Yang di-Pertua. Satu, yang bernama Melayu itu maseh kekal abadi untuk di-tinggalkan untuk jenerasi kita yang akan datang. Satu yang bernama Melayu itu yang maseh kekal

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Sebe-rang Utara): (*Rises*).

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Penakut!

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Yang Berhormat itu dapat peluang boleh berchakap. Saya tidak takut, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi: (*kapada Tuan Abdul Samad*) Ya, jalan-lah.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Ini-lah kedudukan yang di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dalam masaalah Fasal 4 ini dan ini-lah masaalah yang telah di-pusingkan.

Yang Berhormat saudara saya dari Kuala Lipis mengatakan rakan saya dari Pasir Puteh ini menhadangkan supaya di-lanjutkan lagi pemakaian bahasa Inggeris ini sa-lepas 10 tahun. Ini sudah terang² pembohongan bukan sahaja di-luar Dewan ini tetapi dalam Dewan ini pembohongan itu hendak di-tunjukkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa-alah bahasa ini Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah ber-chakap dan telah menunjukkan ka-dalam Dewan ini guntingan² akhbar yang menyuarakan sokongan terhadap Rang Undang² yang hendak di-bentangkan oleh Kerajaan. Yang Berhormat itu telah membacha satu persatu guntingan² surat akhbar dari *Utusan Melayu*, *Berita Harian*, *Straits Times* dan akhbar China. Dan Yang Berhormat itu berkata tidak ada, sa-panjang yang di-ketahui, tidak ada suara² bangkangan yang timbul terhadap Rang Undang² ini.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, meminta Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ini bertanya kepada Kerajaan mereka yang jujur ini mengapa-kah di-keluarkan arahan kepada Radio, Talivishen, surat² akhbar tidak membenarkan sa-barang ulasan di-siarkan dalam akhbar² itu suara² yang menentang Rang Undang² ini?

Sa-orang yang pernah di-beri gelaran bapa bahasa kebangsaan telah membuat satu ulasan yang panjang menentang Rang Undang² ini, sa-patah pun tidak di-masokkan ulasan-nya di-dalam akhbar kerana akhbar² Malaysia ini memang kita telah kenal menerima perintah dari Kerajaan ini. Sa-patah pun tidak di-terima, tidak di-masokkan ka-dalam akhbar² itu ucapan yang di-buat oleh bapa bahasa kebangsaan. Saya tidak mahu menyebut nama orang itu. Dan saya harap kita semua tahu siapa bapak bahasa kebangsaan ini. Kita telah menerima berbagai² risalah yang menyuarakan penentangan terhadap Rang Undang² ini. Persatuan PENA telah mengeluarkan surat arahan-nya itu, atau risalah penting-nya menentang Rang Undang² ini, sa-patah pun tidak di-masokkan di-dalam mana² akhbar dalam Malaysia ini.

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup. Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 9.30 pagi esok.

Adjourned at 7.30 p.m.